



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Perpustakaan  
Sultanah Zanariah



LAPORAN TAHUNAN 2008

# LAPORAN TAHUNAN 2008

**PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

LAPORAN TAHUNAN 2008  
PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH  
Hakcipta@ 2008  
Hakcipta terpelihara. Tiada satu bahagian pun daripada  
Laporan Tahunan ini boleh diterbitkan semula tanpa  
kebenaran bertulis daripada Perpustakaan Sultanah  
Zanariah.

**ISBN 983-9119-77-X**



## ISI KANDUNGAN

|   |      |  |       |
|---|------|--|-------|
| Kata Aluan Ketua Pustakawan                         | 1    | Pembangunan Sumber Manusia                 | 20-21 |
| Kumpulan Pengurusan                                 | 2    | - Program Latihan Dalamran                 |       |
| Carta Organisasi                                    | 3    | - Amanat Tahun Baru                        |       |
| Pentadbiran Organisasi                              | 4    | - Kursus Pengendalian Perpustakaan Fakulti |       |
| Sepintas Lalu Perkembangan Perpustakaan             | 5    | - Lawatan Kerja Luar Negara                |       |
| Halatuju  | 6    | - Sukan dan Kemasyarakatan                 |       |
| - Visi, Misi, Objektif dan Moto                     |      |  |       |
| - Polisi Kualiti                                    |      |  |       |
| - Piagam Pelanggan                                  |      |  |       |
| Pencapaian Tahun 2008                               | 9-18 | Pembangunan Koleksi                        | 23-25 |
| - Pemantapan Budaya Kualiti                         |      | - Buku dan Monograf                        |       |
| - Peningkatan imej Melalui Anugerah Kaunter Terbaik |      | - Jurnal dan Pangkalan Data                |       |
| - Motivasi Menerusi KIK                             |      | - Koleksi Khas UTM                         |       |
| - Menerajui Kecemerlangan Menerusi Penerbitan Buku  |      | - Hadiah dan Pertukaran                    |       |
| - Penganjuran Persidangan Peringkat Kebangsaan      |      | - Dokumen Digital                          |       |
| - Bengkel UTM-IR                                    |      | - Koleksi Khas Hadiah                      |       |
| - Dialog Bersama Majlis Perwakilan pelajar          |      | - Pengkatalogan                            |       |
| - Kajian Kepuasan Pelanggan                         |      |  |       |
| - Lawatan Menteri Pengajian Tinggi                  |      | Perkhidmatan                               | 27-38 |
| - Lawatan Pengerusi Lembaga Pengarah UTM            |      | - Penggunaan Perpustakaan                  |       |
| - Pengauditan Anugerah Kualiti Naib Canselor        |      | - Peminjaman                               |       |
| - Pengauditan Anugerah Keselamatan & Kesihatan      |      | - 'Interlibrary Loan'                      |       |
| Pekerja   |      | - Halaman Kandungan                        |       |
| - Bengkel Kesedaran Standard People Practice        |      | - Khidmat Runding Rujuk                    |       |
| - Semarak Budaya Ilmu                               |      | - Maklumbalas Perkhidmatan                 |       |
| - Penyediaan Senarai Penerbitan UTM                 |      | - Pertanyaan Rujukan                       |       |
| - Pembinaan Atribut Graduan                         |      | - Rujukan Oleh Pengguna Luar               |       |
| - Pengurusan Sumber Manusia                         |      | - Kelas Kemahiran Perpustakaan             |       |
| - Galerium  |      | - Bengkel, Latihan dan Taklimat Pelajar    |       |
| - Perkongsian Maklumat Kebangsaan                   |      | - Lawatan                                  |       |
| - Pengurusan Sumber Manusia                         |      | - Promosi                                  |       |
|   |      | - Sokongan Penyelidikan                    |       |
|   |      | - Automasi Perpustakaan                    |       |
| Cabarani 2009                                       |      |  |       |
| - Perancangan Strategik                             |      |  |       |
| - Penambahbaikan Berterusan                         |      |  |       |
| Perpustakaan Cawangan                               |      |  | 44-45 |

# MESEJ DARI KETUA PUSTAKAWAN

Assalamualaikum Dan Salam Sejahtera

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya maka Laporan Tahunan Perpustakaan Sultanah Zanariah bagi tahun 2008 dapat diterbitkan dengan jayanya.

Semua perancangan PSZ adalah berdasarkan kepada Perancangan Strategik 2008 yang menjadi asas penting kepada perancangan jabatan yang telah berjaya dihasilkan untuk menempuh cabaran globalisasi dan persekitaran yang terus berubah.

Pada tahun 2008, PSZ telah mempertingkatkan usaha pemantapan budaya kualiti di kalangan stafnya dengan penyertaan dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat UTM dan telah memenangi tempat pertama bagi Anugerah Kaunter Terbaik. Perpustakaan juga telah berjaya melaksanakan beberapa program berbentuk ilmu sebagai salah satu sumbangan ke arah peningkatan budaya akademia di kalangan warga kampus.



Di peringkat kebangsaan, PSZ amat berbangga kerana memainkan peranan yang aktif, komited dan memberi sumbangan yang besar melalui pengajuran persidangan Customer-Focused Culture pada 9 hingga 11 Jun 2008 . Pengajuran persidangan seperti ini boleh dilihat sebagai satu medan perkongsian maklumat yang menjangkau jauh dengan penglibatan secara langsung semua staf PSZ dalam merealisasikan harapan UTM.

PSZ turut menumpukan usaha untuk menaiktaraf kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan bagi memberikan keselesaan kepada para pelanggan khususnya warga UTM. PSZ juga sering menjadi tempat rujukan kepada Perpustakaan akademik dalam dan luar negara sebagai perbandingan dengan perpustakaan mereka.

Adalah diharapkan Laporan Tahunan 2008 ini dapat digunakan oleh pegawai dan staf Perpustakaan untuk mengimbas kembali aktiviti tahun 2008 dan menjadi asas ke arah penambahbaikan pada tahun 2009. Manakala bagi pelanggan pula, Laporan Tahunan ini boleh menjadi sumber maklumat penting untuk mengetahui kemudahan dan perkhidmatan serta perkembangan Perpustakaan Sultanah Zanariah.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh pegawai dan staf serta semua pihak yang terlibat kerana telah berusaha dengan tekun bagi menjayakan program-program yang telah dirancang pada tahun 2008. Kejayaan seperti ini hanya wujud dengan semangat kerja berpasukan, rasa tanggungjawab dan amanah dan semoga semangat seperti ini dapat memacu ke arah kecemerlangan serta kejayaan berterusan kepada perpustakaan.

Ketua Pustakawan  
Pn. Hjh. Kamariah binti Nor Mohd. Desa  
M.A.Library & Information Studies  
(Loughborough, United Kingdom)  
B.L.Sc. (UiTM)

# KUMPULAN PENGURUSAN



Ketua Pustakawan

Pn. Hjh. Kamariah binti Nor Mohd. Desa  
M.A.Library & Information Studies  
(Loughborough, United Kingdom)  
B.L.Sc. (UiTM)

Tel: +607-5530101  
e-mel: [kamariah@mel.psz.utm.my](mailto:kamariah@mel.psz.utm.my)



Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perancangan & Pembangunan)

Anuar bin Talib

M.Sc.(IT) Library & Info. Services (UTM)  
Post Graduate Diploma in Computer Science  
(UTM)

B.L.Sc. (UiTM)

Tel: +607-5530102

e-mel: [anuar@mel.psz.utm.my](mailto:anuar@mel.psz.utm.my)



Timbalan Ketua Pustakawan  
(Perkhidmatan)

Noraziah binti Sharuddin

M.Sc. Information and Library Studies  
(Loughborough, UK)

B.L.Sc. (UiTM)

Tel: +607-5530104

e-mel: [azie@mel.psz.utm.my](mailto:azie@mel.psz.utm.my)



Ketua Bahagian Pemerosesan Teknikal  
Badariah binti Borham

B.HSc. (UKM)

Post Graduate in Info. Sc. (UiTM)

Tel: +607-5530102

E-mel: [badria@mel.psz.utm.my](mailto:badria@mel.psz.utm.my)



Ketua Bahagian Pengurusan Koleksi  
Junaidah binti Isnain

B.Sc. (Zoology) (Hons) (UM)

B.L.Sc. (UiTM)

Tel: +607-5530138

e-mel: [jun@mel.psz.utm.my](mailto:jun@mel.psz.utm.my)



Ketua Bahagian Pembangunan Automasi  
Nor Asikin Mohamad

M.Sc. (IT) Lib. & Info. Services (UTM)

M. Lib. & Info. Sc. (IIUM)

B.L.Sc. (UiTM)

Tel: +607-5530301

E-mel: [asikin@mel.psz.utm.my](mailto:asikin@mel.psz.utm.my)



Ketua Bahagian Sokongan Penyelidikan  
Noraini binti Yahya

Masters in Technology Management  
(Technology) (UTM)

Post-Graduate Dip. in Lib. Sc.(UiTM)

B.Sc.(Hons) (UM)


Tel: +607-5530199

e-mel: [noraini@mel.psz.utm.my](mailto:noraini@mel.psz.utm.my)

# CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH

## KETUA PUSTAKAWAN

### TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN (PERANCANGAN & PEMBANGUNAN)



## PENTADBIRAN ORGANISASI



Datin Prof. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) menyampaikan sijil kepada Ketua Pustakawan ketika Majlis Penghargaan

### Ahli Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan

Pengurusan dan pentadbiran PSZ sebenarnya adalah di bawah nasihat dan dikawalselia oleh pihak Universiti melalui Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan. Senarai Ahli Jawatankuasa Tetap Senat Mengenai Perpustakaan bagi sesi 2008 adalah seperti berikut.

Datin Prof. Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Prof. Dr. Supian bin Ahmad - Dekan Fakulti Alam Bina  
Dato' Prof. Dr. Ahmad bin Darus - Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Puan Kamariah binti Nor Mohd Desa - Ketua Pustakawan, PSZ  
Prof. Dr. Mohd. Salleh bin Abu - Dekan Fakulti Pendidikan  
Prof. Dr. Safaai bin Deris - Sekolah Pengajian Siswazah  
Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Abdullah - Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan  
Prof. Madya Dr. Abdul Kadir bin Marsono - Fakulti Kejuruteraan Awam  
Prof. Madya Yahaya Ramli - Fakulti Kejuruteraan Mekanikal  
Prof. Madya Dr. Nik Rumzi bin Nik Idris - Fakulti Kejuruteraan Elektrik  
Prof. Madya Dr. Abd. Hamid Bin Mar Iman - Fakulti Kejuruteraan & Sains Geoinformasi  
Prof. Madya Dr. Mohammad bin Ishak - Fakulti Sains Komputer & Sains Maklumat  
Prof. Madya Dr. Wan Aini Wan Ibrahim - Fakulti Sains  
Prof. Madya Dr. Khairiyah bin Mohd Yusof - Pusat Pengajaran & Pembelajaran  
Prof. Dr. Shaharuddin bin Salleh - Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Prof. Madya Mazlan Mohamad bin Abdul Hamed - Program Pengajian Diploma, KL  
Dr. Hairul Nizam bin Ismail - Fakulti Alam Bina  
Prof. Dr. Nor Aishah binti Saidina Amin - Fakulti Kejuruteraan Kimia & Kejuruteraan Sumber Asli  
Dr. Zaidah binti Zainal - Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia  
Encik Abdul Razak bin Idris - Fakulti Pendidikan  
Hajjah Sharifah Alwiah binti Syed Alwi - Bendahari  
Tuan Hj. Samsudin bin Nyat - Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi  
Puan Noraziah binti Sharuddin - Setiausaha / Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat, PSZ  
Hajjah Sr. Rohayah binti Yusof - Pejabat Harta Bina

# SEPINTAS LALU PERKEMBANGAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Sultanah Zanariah adalah pusat rujukan ilmu yang utama bagi Universiti Teknologi Malaysia dan masyarakat di selatan tanahair. Perpustakaan induk terletak di UTM Skudai, Johor dan beberapa cawangannya adalah di Fakulti-fakulti, Pusat Pembelajaran dan Pusat Kecemerlangan Universiti, UTM International Campus Kuala Lumpur dan Business Advance Technology Centre, Kuala Lumpur. PSZ telah dimasyurkan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultanah Zanariah binti Almarhum Tunku Ahmad, Canselor UTM pada 3 Februari 1991.



PSZ beroperasi sepenuhnya menggunakan sistem automasi perpustakaan bersepadu yang dikenali sebagai INFOLAN2. Maklumat bahan yang terdapat di PSZ boleh diperolehi melalui modul OPAC (Online Public Access Catalogue) yang boleh diakses melalui web.

Koleksi PSZ berkait rapat kepada keperluan penggunanya dan bidang teras Universiti yang meliputi bahan monograf, jurnal dan buku dalam bentuk cetak dan elektronik, bahan koleksi khas, pangkalan data, media elektronik, bahan kartografi dan audio visual.

Keahlian PSZ terdiri daripada semua pelajar, staf dan masyarakat UTM. PSZ turut memberi peluang masyarakat luar seperti kakitangan sektor swasta, pelajar sekolah (tingkatan empat ke atas), pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan alumni UTM menjadi ahli luar PSZ dengan kadar yuran yang tertentu. Selain itu, PSZ juga membuka pintu keahliannya kepada sektor industri dan korporat.

Pencarian maklumat elektronik boleh dicapai melalui pangkalan data atas talian (online searching) dan CD-ROM yang dilanggan oleh PSZ. Maklumat ini boleh diakses melalui portal PSZ (<http://portal.psz.utm.my/pdz/>). Sejumlah 1,788,609 judul adalah meliputi jurnal bercetak, jurnal dalam CD-ROM, jurnal atas talian serta tesis elektronik yang boleh diakses secara percuma oleh pengguna berdaftar UTM dari mana-mana lokasi.

PSZ melanggan kebanyakan pangkalan data utama dunia di antaranya Scopus dan Web of Science, Science Direct, EBSCOhost, Engineering Village2, Proquest Digital Dissertations, Proquest Direct dan lain-lain lagi. Bagi pangkalan data tempatan pula, PSZ melanggan kepada NSTP Online, MASTIClink, SIRIMLink dan PALMOILIS.

Berbagai perkhidmatan disediakan oleh PSZ iaitu Peminjaman dan Pemulangan Bahan, Perkhidmatan Runding Maklumat, Perkhidmatan Penasihat Pengguna, Penggunaan Pangkalan data, Kemudahan Internet, Kemudahan Komputer, Kelas Kemahiran Asas Perpustakaan, Bengkel Pencarian Maklumat, Pinjaman Antara Perpustakaan, Sokongan Kepada Penyelidik, Ruang Rujukan Eksekutif, Perkhidmatan Halaman Kandungan, Paket Maklumat, Tayangan, Pameran, Penerbitan perpustakaan dan lain-lain perkhidmatan termasuklah artikel akhbar serta fotokopi.

PSZ juga turut menyediakan kemudahan ruang bacaan am yang luas dengan sejumlah 200 komputer untuk mengakses Internet di samping bilik belajar berkumpulan, bilik tayangan, bilik seminar, dan bilik belajar 24 jam kepada penggunanya. Ruang santai dengan kemudahan ‘indoor games’ turut disediakan untuk merehatkan minda.

Melalui dasar akses terbuka sejak tahun 2007, PSZ menjadi platform kepada UTM dalam capaian hasil penulisan dan penerbitan ilmiah UTM secara teks penuh kepada masyarakat global yang kini boleh diakses secara percuma di <http://eprints.utm.my/>. Pada akhir tahun 2008, UTM-IR berada di tempat ke-82 dari senarai 300 yang teratas di dunia merujuk kepada ‘Ranking Web of World Repositories’ dan UTM-IR merupakan satu-satunya yang mewakili Malaysia dan rantau ASEAN.

PSZ turut menyediakan Akses Rangkaian Tanpa Wayar (Wi-fi) kepada para pelanggannya apabila kemudahan mengakses maklumat dapat dicapai secara meluas. Pelaksanaan Virtual Private Network (VPN) pula memberi akses jarak jauh (remote access) kepada pangkalan data langganan PSZ.



# HALATUJU

## Visi

Perpustakaan Sebagai Pusat Ilmu Terulung Dalam Bidang Sains Dan Teknologi

## Misi

Menyumbang Kepada Peningkatan Ilmu Melalui Penyediaan Akses Mudah, Penyebaran Dan Perkongsian Maklumat Sains Dan Teknologi



## Objektif PSZ

- Memberi Perkhidmatan Berasaskan Maklumat Kepada Pelanggan
- Mengurus Maklumat Yang Menepati Keperluan Pembelajaran, Pengajaran, Penyelidikan, Perundingan dan Penerbitan Di UTM.
- Mempromosi Perkhidmatan Maklumat Kepada Masyarakat Dalam Dan Luar UTM.
- Memupuk Budaya Ilmu Dan Kecemerlangan Minda Di Kalangan Masyarakat Dalam Dan Luar UTM.

## Moto

Kecemerlangan Informasi

## Piagam Pelanggan

Menyedari pelanggan PSZ memerlukan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki, staf PSZ adalah komited kepada usaha memberi perkhidmatan yang cemerlang serta bersedia melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan seperti berikut:

Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan:

- Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungkan sebelum bulan September setiap tahun.
- Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar.
- Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang, lengkap dan mengikut jangkama yang ditetapkan.
- Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan.

- Memastikan pelanggan diberi layanan dalam proses pemulangan bahan dalam masa tiga (3) minit pada keadaan biasa.
- Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
- Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.
- Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.



## **Polisi Kualiti**

Perpustakaan Sultanah Zanariah memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpandukan kepada perlunya kepuasan pelanggan dan pembaharuan berterusan yang boleh tercapai dengan memastikan :

1. Staf PSZ beretika, mahir dan profesional.
2. Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi.
3. Keselamatan sumber terpelihara.
4. Proses kerja berkesan dan cekap.
5. Penggunaan teknologi di tahap intensif.

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan ini diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari masa ke semasa seperti berikut :

1. Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan secara beransur melengkapkan Koleksi Khas sehingga tahun kini.
2. Mengindeks semua penulisan UTM, berperingkat -peringkat sehingga tunggakan sifar.
3. Mengimbas dokumen berperingkat-peringkat sehingga tahun kini.
4. Memantau dan menganalisis penggunaan sumber elektronik dua (2) kali setahun.
5. Mengaudit pembekal sekali setahun.
6. Memantau dan menganalisis pelaksanaan komponen-komponen perpustakaan digital, dan
7. Mengganda aktiviti sebaran, dan perkongsian ilmu.

Perancangan teratur dan analitik akan membawa PSZ ke arah perkhidmatan yang melepas tahap ekspektasi pelanggan dan pihak-pihak tertentu yang berkepentingan kepada PSZ. Oleh itu, sangatlah penting semua staf memahami, melaksana, dan mengutamakan Polisi Kualiti PSZ.

# J encapaian 2008



## PENCAPAIAN TAHUN 2008



Perpustakaan Sultanah Zanariah berjaya melaksanakan beberapa program yang dirancang dengan cemerlang sepanjang tahun 2008.

### Peningkatan Imej Melalui Anugerah Kaunter Terbaik

Hasil usaha dan komitmen yang tinggi telah berjaya menampakkan hasilnya apabila PSZ berjaya meraih tempat pertama dalam Pertandingan Kaunter Terbaik yang diadakan sempena Program Bulan Kualiti Peringkat UTM yang bermula dari 8 hingga 31 Januari 2008. Program ini diadakan bagi menyemarakkan budaya kualiti di kalangan staf UTM ke arah kualiti perkhidmatan yang cemerlang.

Pertandingan Anugerah Kaunter Terbaik ini memberi pengiktirafan kepada kaunter di sesebuah jabatan/fakulti/pusat yang memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik dan mesra pelanggan.

Semua Perkhidmatan Kaunter di PSZ iaitu Kaunter Sirkulasi, Meja Penasihat Pengguna, Kaunter Media dan Kaunter Rujukan Tesis telah menyertai pertandingan tersebut. Untuk penilaian, 'silent audit' telah diadakan di PSZ di antara 8 hingga 10 Januari 2008. Kemenangan Kaunter Meja Penasihat Pengguna telah diumumkan pada majlis penyampaian hadiah yang telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTM, Tan Sri Prof. Ir. Dr. Mohd Zulkifli bin Tan Sri Mohd. Ghazali di Dewan Senat, UTM pada 31 Januari 2008 yang lalu. Pada majlis tersebut, PSZ telah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM2,000.00 berserta plak dan sijil.

### Pemanfaatan Budaya Kualiti Melalui MS ISO 9001: 2000 - Audit Surveillance Oleh SIRIM

Budaya kualiti di PSZ diteruskan lagi pada tahun 2008 dengan 'audit surveillance' oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd pada 30 hingga 31 Julai 2008 yang diketuai oleh Ketua Juruaudit iaitu Puan Siti Rahmah Ahmad Zain.

Berlangsung selama dua hari, audit berkenaan telah menyemak kepatuhan beberapa proses utama yang dikenalpasti. Hasil dari audit yang telah dijalankan, PSZ telah berjaya mengekalkan Sistem Pengurusan Kualitinya dengan baik tanpa sebarang ketidakpatuhan direkodkan.

Pengurusan sistem kualiti yang baik turut dapat dilihat apabila terdapat perubahan ketara dari segi keceriaan ruang, kemudahan serta sistem penyampaian yang berkesan bagi memenuhi dan menangani keperluan pelanggan.

Komitmen pengurusan tinggi PSZ terhadap kualiti dapat dilihat apabila Ketua Pustakawan, Puan Kamariah Nor Mohd Desa telah memberikan taklimat kualiti bertempat di Bilik Seminar 3, PSZ pada 29 Februari 2008. Taklimat tahunan ini meliputi galakan semangat kerjasama dan usaha menggiatkan penerapan kualiti dalam budaya kerja sebagai kesinambungan usaha-usaha kualiti yang telah dijalankan oleh PSZ.



Staf PSZ menghadiri Mesyuarat Audit di Bilik Mesyuarat

## Motivasi Menerusi KIK Tingkatkan Kualiti Diri Staf



Kumpulan Smart Target bersama Naib Canselor UTM

Pada tahun 2008, PSZ telah menyertai Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UTM yang diwakili oleh Kumpulan Smart Target bagi kategori pengurusan. Kumpulan ini dianggotai oleh Haslina Hussin (selaku Ketua), Zaleha Atan, Norizan Yunus, Rohayu Hatim, Salamiah Hassan, Abdul Halim Hassan, Rohana Rahim dan Zubaidah Mohamed. Dengan mengutarakan kaedah penyelesaian masalah kelewatan aktiviti memproses penerimaan bahan di Unit Perolehan PSZ, setiap ahli kumpulan telah menunjukkan semangat juang yang tinggi sepanjang persembahan.

Walaupun PSZ tidak berjaya meraih sebarang kemenangan, namun objektif untuk membina semangat dan menterjemahkan idea-idea baru dalam kumpulan telah berjaya ditunjukkan dalam suasana yang amat membanggakan. Persembahan KIK ini juga memperlihatkan semangat dan keberanian staf PSZ menonjolkan potensi diri dan prestasi yang tinggi serta komited dalam melaksanakan tugas yang diarahkan.



Buku Santun Bertamu Darjat Berzaman: Komemoratif Sedekad (1998-2008) Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan Sultanah Zanariah

## Menerajui Kecemerlangan Menerusi Penerbitan Buku

Bagi mendokumentkan perjalanan Perpustakaan Sultanah Zanariah sepanjang seabad yang lalu, buku berjudul Santun Bertamu Darjat Berzaman: Komemoratif Sedekad (1998-2008) Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan Sultanah Zanariah telah diterbitkan dengan kerjasama Pejabat Penerbit, UTM.

Pelancaran buku ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor, UTM pada 9 Jun 2008 sempena persidangan peringkat kebangsaan di Hotel Zon Regency, Johor. Penerbitan buku ini juga diharap dapat menjadi wadah rujukan umum mengenai sistem pengurusan kualiti PSZ yang signifikan dengan agenda perpustakaan dalam mendepani perkembangan aspek kemudahan dan perkhidmatannya demi kepuasan hati pelanggan.



Ahli Jawatankuasa Penerbitan Buku merakamkan kenangan di Sudut Kualiti PSZ

# Penganjuran Persidangan Peringkat Kebangsaan Tingkatkan Hubungan Perpustakaan-Pelanggan



Peserta persidangan sedang tekun mendengar pembentangan kertas kerja



Antara pembentang kertas kerja yang terlibat pada hari kedua



Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia telah menganjurkan persidangan bertajuk Customer-Focused Culture bertempat di Hotel The Zon Regency, Johor Bahru bermula pada 9 Jun 2008 sehingga 11 Jun 2008. Bertemakan Empowering and Energising Quality Strategies Toward The Customer-Driven Organisation, objektif persidangan ini adalah bagi menjadi platform pertukaran dan perkongsian pengetahuan dan pengalaman dalam sistem penyampaian perkhidmatan yang berfokuskan pelanggan. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTM, Tan Sri Prof. Dr. Mohd Zulkifli bin Tan Sri Mohd Ghazali. Pembentangan kertas kerja dibahagikan kepada beberapa sesi yang dipengerusikan oleh beberapa individu profesional yang berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang masing-masing.

Persidangan ini berjaya menarik perhatian peserta yang terdiri daripada pegawai sektor awam, pengarah eksekutif sektor swasta, ahli akademik, penyelidik dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

PSZ telah berkongsi pengalaman dalam membangunkan 'Institutional Repository' melalui penganjuran sebuah bengkel pada hari ketiga dengan tajuk 'Open Access Initiatives: Planning to the Realisation of Institutional Repository'. Bengkel ini adalah khusus bagi mereka yang berminat dalam mempelajari kaedah pembangunan sistem perkongsian maklumat organisasi atau lebih dikenali sebagai Repozitori Institusi.

Bengkel bertajuk Open Access Initiatives : Planning to the Realisation of Institutional Repository telah diadakan pada 11 Jun 2008.



Fasilitator terdiri daripada staf PSZ dan staf Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTM iaitu Encik Anuar Talib, Puan Kamariah Mohamed Jong dan Encik Syed Rahazuan Syed Deraman. Bengkel bertujuan memberi pendedahan & perkongsian pengalaman mengenai perlaksanaan akses terbuka UTM dan kaedah mendeposit bahan dalam UTM 'Institutional Repository'. Peserta juga didedahkan kepada pengenalan IR secara umum dan kepentingannya serta keperluan asas sistem IR. Bengkel ini telah memberi gambaran yang jelas kepada peserta dalam menubuhkan IR di institusi masing-masing sebagai persediaan mengorak langkah kepada pelaksanaan akses terbuka. Seramai 48 orang peserta yang terdiri dari 32 organisasi dari Institusi Pengajian Tinggi Awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta, jabatan kerajaan dan organisasi swasta telah diberikan sijil penyertaan oleh Ketua Pustakawan, Puan Kamariah Nor Mohd Desa.

## Dialog bersama Majlis Perwakilan Pelajar dan Persatuan UTM


Sesi bersama Majlis Perwakilan Pelajar dan Persatuan UTM telah diadakan pada 27 Februari 2008 bertempat di Bilik Mesyuarat, PSZ. Taklimat ringkas serta sesi dialog meliputi perkhidmatan dan koleksi perpustakaan, portal PSZ, katalog perpustakaan (INFOLAN2), sistem aplikasi perpustakaan dan pangkalan data elektronik. Aktiviti ini telah memberi ruang kepada pelanggan PSZ yang terdiri daripada pelajar untuk mengutarkan sebarang permasalahan yang berkaitrapat dengan PSZ. Sesi sebegini turut menjadi medan pertukaran maklumat di antara kedua belah pihak demi pembangunan pendidikan di UTM.

## Kajian Kepuasan Pelanggan

Kaji Selidik Indeks Kepuasan Pelanggan PSZ bagi tahun 2008 telah diadakan sebagai satu kaedah bagi memberi petunjuk kepada tahap kepuasan pelanggan terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan oleh PSZ. Prestasi diukur berdasarkan kepada kategori utama iaitu staf, perkhidmatan, maklumat atau kemahiran perpustakaan, produk dan persekitaran.

Secara keseluruhannya, didapati pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan PSZ 2008 meningkat kepada 73.24% berbanding pada tahun 2007 iaitu hanya sebanyak 71.5%. Ini dirangsang oleh indeks persekitaran dan indeks staf yang menunjukkan prestasi yang baik di samping penambahbaikan berterusan kepada aspek yang telah dikenalpasti demi kepuasan pelanggan secara menyeluruh.

Perbandingan Indeks Kepuasan Pelanggan PSZ bagi Kategori Utama bagi Tahun 2006 - 2008



## Lawatan Menteri Pengajian Tinggi



Y.B. Dato' Mohamed Khaled Nordin menandatangani plak semasa lawatan ke PSZ



Y.B. Dato' Mohamed Khaled Nordin beramah mesra bersama pelajar antarabangsa

Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.B. Dato' Mohamed Khaled Nordin telah membuat lawatan rasmi ke PSZ pada 20 Jun 2008. Lawatan ini telah memberi kesempatan kepada PSZ untuk mengenangkan kemudahan dan perkhidmatannya. Berbagai aktiviti dilakukan serentak dalam suasana ceria dan turut disertai oleh pelajar antarabangsa. Antaranya ialah demonstrasi "SPACE Courseware", 'Centre of Teaching and Learning Vodcast', tayangan filem antarabangsa, 'Forum Experience on Malaysia's Culture' oleh Dr. Dilshan Remoz Ossen dan Dr. Hesham el-Enshasy, sesi penggunaan OPAC, demonstrasi UTM-IR, demonstrasi pangkalan data dan kelas kemahiran perpustakaan secara 'video conferencing' dengan PSZ International Campus, Kuala Lumpur. Mengakhiri lawatan, Y.B. Dato' telah menandatangani plak sebagai simbolik lawatan.



Forum 'Experience on Malaysia's Culture' yang diadakan di Bilik Tayangan, PSZ



Y.Bhg. Tan Sri Halim Ali bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Dato' Zaini Ujang dan Pendaftar UTM, Encik Wan Zawawi

## Lawatan Pengerusi Lembaga Pengarah UTM, Y. Bhg. Tan Sri Halim Ali

PSZ telah menerima kunjungan Y. Bhg. Tan Sri Halim Ali pada 16 Ogos 2008 yang telah diiringi oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Y.B. Dato' Prof. Ir. Zaini Ujang dan pegawai-pegawai kanan universiti.



Merakankan kenangan bersama Y.Bhg. Tan Sri Halim Ali di hadapan bangunan PSZ

Kunjungan tersebut juga membuka peluang kepada PSZ untuk memberi penerangan terperinci mengenai latar belakang dan hala tuju PSZ dalam memartabatkan pendidikan tinggi nasional ke tahap yang lebih tinggi. PSZ sentiasa bersedia dengan segala bentuk perancangan dan agenda yang dirangka di bawah kepimpinan Ketua Pustakawan, Puan Hajjah Kamariah binti Nor Mohd Desa.



## Pengauditan Anugerah Kualiti Naib Canselor

PSZ turut tidak ketinggalan menyertai Pertandingan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) pada tahun 2008. Audit AKNC telah diadakan di PSZ pada 28 April 2008 apabila panel penilai pertandingan telah membuat semakan dokumen dan meninjau perkembangan PSZ menerusi lawatan. PSZ telah memenangi anugerah penghargaan tersenarai ke peringkat akhir dan PSZ amat berbangga dengan semua pihak terutamanya staf yang telah bersungguh-sungguh memastikan kesinambungan dan kecemerlangan PSZ.



*Merakankan kenangan bersama panel Audit Anugerah Kualiti Naib Canselor*

## Pengauditan Anugerah Keselamatan dan Kesihatan

PSZ telah menjalani Audit Persekutaran, Keselamatan dan Kesihatan (OSH) pada 10 Mac 2008. Anugerah OSH UTM ini diadakan bertujuan untuk menilai keberkesaan pelaksanaan prosedur persekitaran tempat kerja staf, pintu-pintu keselamatan, pemasangan wayar, penyimpanan bahan kimia dan stor penyimpanan.

Hasilnya, PSZ telah tersenarai pendek ke peringkat akhir pertandingan. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya kerjasama yang diberikan oleh staf sepanjang audit dijalankan adalah baik dan berjalan lancar dalam memastikan ruang tempat kerja sentiasa berada dalam keadaan kemas dan selamat.



*Merakankan kenangan bersama panel audit Anugerah Keselamatan dan Kesihatan*

## Bengkel Kesedaran Standard People

Bengkel Kesedaran Pelaksanaan Amalan Standard People Practice (SPP) Peringkat UTM (Pengalaman PSZ Siri ke-2) telah diadakan pada 17 Januari 2008 bertempat di Bilik Seminar 3, PSZ.

Aktiviti amalan terbaik yang dipraktikkan oleh PSZ ini telah dikongsi bersama para peserta yang terdiri daripada staf UTM dari pelbagai jabatan di UTM serta staf baru PSZ.



*Peserta bengkel sedang mempraktikkan latihan yang diajar*

## Semarak Budaya Ilmu di UTM

Majlis berbentuk perkongsian ilmu “Engaging Knowledge Culture Programme” adalah kesinambungan aktiviti penjanaan ilmu bagi melestarikan budaya ilmu di persekitaran masyarakat kampus. Usaha dipelopori oleh PSZ dengan kerjasama Majlis Profesor UTM ini akan dijadikan program universiti.

Bermula dengan buku berjudul Engaging the Six Cultures of the Academy, program ini telah diadakan pada 7 November 2008 bertempat di Dewan Senat, UTM. Majlis telah dipengerusikan oleh Naib Canselor UTM, Y. Bhg. Dato' Profesor Ir. Dr. Zaini Ujang dan ahli panel terdiri dari Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Antarabangsa), Datin Prof. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir dan panel jemputan iaitu Prof. Dr. Szarina Abdullah, pensyarah kanan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM). Program menyaksikan 324 orang terdiri dari staf pengurusan dan profesional UTM telah hadir.

Program sebegini mula mendapat perhatian dari masyarakat kampus dan akan terus diberi perhatian serta dijalankan oleh PSZ. PSZ yakin objektif ini akan dapat memastikan ilmu yang bermanfaat dapat dikongsi bersama di samping mencerna idea-idea baru demi kecemerlangan Universiti khususnya.



## Penyediaan Senarai Penerbitan UTM Bagi Keperluan Universiti Penyelidikan



PSZ telah membantu usaha UTM bagi permohonan status Universiti Penyelidikan dengan mengumpul semua penerbitan staf akademik UTM secara sistematis. Ia selaras dengan peranan PSZ yang semakin penting pada masa kini dalam pembangunan pendidikan. Justeru, PSZ telah diaudit oleh Prof. Dato' Dr. Syeikh Omar Abdul Rahman dari Universiti Putra Malaysia pada 25 September 2008. Hasil audit menunjukkan PSZ positif dalam meningkatkan prasarana yang mampu memberi kepuasan optimum kepada pelanggan. Kecemerlangan PSZ pastinya dapat dicapai dengan penambahbaikan berterusan terhadap persekitaran serta kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

## Pembinaan Atribut Graduan dan Penerapan Kemahiran Generik

PSZ telah melaksanakan kajian susulan mengenai Penguasaan Kemahiran Perpustakaan di kalangan pelajar baru semester 1, sesi 2008/2009. Kajian berbentuk soalselidik telah melibatkan sejumlah 2,633 responden. Di antara elemen yang dikaji ialah penggunaan perpustakaan, kemahiran pencarian maklumat, kemahiran komputer, pembacaan dan kefahaman, etika penggunaan maklumat dan kemahiran komunikasi.

Hasil kajian mendapati pelajar baru semester 1, sesi 2008/2009 lebih cenderung mengunjungi perpustakaan untuk mentelaah pelajaran, membaca surat khabar dan majalah, menggunakan perpustakaan dengan tujuan berjumpa kawan dan meminjam buku. Kajian juga menunjukkan bahawa pelajar baru masih memerlukan tunjukajar menggunakan perpustakaan dan katalog berkomputer kerana pencapaianya agak sederhana. Walaupun tahap kemahiran komputer di kalangan pelajar agak tinggi, mereka masih memerlukan bimbingan dari segi menggunakan aplikasi multimedia untuk membuat persembahan diperingkat universiti. Malah didapati juga pelajar masih belum dapat menguasai kebolehan untuk menyenaraikan bahan bacaan yang dibacanya dan kurang gemar membaca secara berterusan.



Kelas kemahiran perpustakaan diberikan oleh pustakawan PSZ yang terlatih

Malah didapati juga pelajar masih belum dapat menguasai kebolehan untuk menyenaraikan bahan bacaan yang dibacanya dan kurang gemar membaca secara berterusan.

Dari segi etika penggunaan maklumat pula, kajian menunjukkan bahawa terdapat pelajar yang masih kurang faham mengenai Akta Hakcipta dan prinsip Harta Intelek. Dari aspek kemahiran komunikasi pula, tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik dan kekerapan berurusan dalam Bahasa Inggeris masih di tahap sederhana.

Secara keseluruhan, tahap penguasaan kemahiran perpustakaan untuk pelajar Semester 1, sesi 2008/2009 dalam setiap elemen yang dikaji adalah pada tahap sederhana. Oleh itu, PSZ akan terus meningkatkan usaha membantu pelajar untuk menguasai kemahiran pencarian maklumat bagi membantu mereka dalam proses pembelajaran sepanjang sesi pengajian mereka di UTM.

## Galerium

Galerium yang baru ditubuhkan memainkan peranan penting dalam mengerakkan aktiviti seperti pameran. Pameran telah dilaksanakan merangkumi pelbagai topik segmen pameran sepanjang tahun 2008. Antaranya ialah Pameran Seni Bina Lanskap kerjasama dengan Fakulti Alam Bina, UTM; Pameran Generic Skills; Pameran Standard People Practice; Pameran UTM-IR dan Pameran Anugerah Kecemerlangan Naib Canselor.

Galerium kini sedang giat mengumpul bahan-bahan sebagai persediaan untuk koleksi muzium UTM yang sedang dirancang.



Proses-proses kemaskini Galerium sedang dijalankan

## Projek Perkongsian Maklumat Kebangsaan

PSZ telah bekerjasama dengan Perpustakaan Negara Malaysia dalam pembangunan Projek Katalog Induk Kebangsaan. PSZ telah menyediakan senarai koleksi PSZ fasa kedua pada 10 Oktober 2008 melibatkan 35,049 rekod dalam format ISO 2709 bagi tempoh 16 Jun sehingga 31 Ogos 2008.

# Pemantapan Organisasi Melalui Pengurusan Sumber Manusia

Pembangunan Sumber Manusia terus memainkan peranan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perjawatan dan latihan staf. Pada tahun 2008, PSZ telah menerima beberapa orang staf baru yang dilantik secara tetap dan kontrak bagi mengisi peruntukan jawatan dan tidak kurang juga yang meletak jawatan, berpindah dan meninggal dunia.

## Lantikan Baru Staf Pengurusan dan Profesional

| Bil. | Nama                  | Jawatan / Gred           |
|------|-----------------------|--------------------------|
| 1.   | Dzulhelmi Mohd Razali | Penolong Pendaftar / N41 |
| 2.   | Nabilah Jamil         | Pustakawan / S41         |
| 3.   | Marlina Kasiman       | Pustakawan / S41         |
| 4.   | Haslinda Sabari       | Pustakawan / S41         |

## Lantikan Baru Staf Sokongan

| Bil. | Nama                | Jawatan / Gred              |
|------|---------------------|-----------------------------|
| 1.   | Shaliza Azwa Shaari | Pembantu Perpustakaan / S17 |
| 2.   | Mohd Fikri Ismail   | Juruteknik / J17            |
| 3.   | Asnawi Wagiran      | Pemandu Kenderaan / R3      |

## Staf Meninggal Dunia

| Bil. | Nama               | Tarikh Meninggal Dunia |
|------|--------------------|------------------------|
| 1.   | Harun Lop          | 4 April 2008           |
| 2.   | Mohd Sulaiman Demo | 22 November 2008       |

## Jumlah Keseluruhan Staf 2008

| Jawatan                                  | Gred Jawatan | Peruntukan | Skudai     | KL        | CEPP     | FAB      | BATC     |
|--|--------------|------------|------------|-----------|----------|----------|----------|
| Ketua Pustakawan                         | S54          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Timbalan Ketua Pustakawan                | S52          | 2          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Ketua Bahagian                           | S48          | 5          | 5          | -         | -        | -        | -        |
| Pustakawan Kanan                         | S44          | 7          | 5          | 1         | -        | -        | -        |
| Pustakawan                               | S41          | 24         | 21         | 1         | -        | 1        | 1        |
| Penolong Pendaftar                       | N41          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Pegawai Sistem Maklumat                  | F41          | -          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Penolong Pegawai Tadbir                  | N32          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Penolong Kurator                         | S27          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Penolong Pegawai Perpustakaan            | S27          | 2          | -          | 1         | 1        | -        | -        |
| Penolong Pegawai Perpustakaan            | S26          | 2          | -          | -         | -        | -        | -        |
| Pembantu Tadbir Kesetiausahaans          | N22          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Pembantu Perpustakaan Kanan              | S22          | 8          | 3          | 1         | -        | -        | -        |
| Ahli Fotografi                           | B17          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Juruteknik                               | J17          | 5          | 5          | -         | -        | -        | -        |
| Pembantu Tadbir (Pengkeranian & Operasi) | N17          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Pembantu Penerbitan                      | N17          | 2          | 2          | -         | -        | -        | -        |
| Pembantu Tadbir (Kesetiausahaans)        | N17          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Pembantu Perpustakaan                    | S17          | 89         | 68         | 12        | 1        | 1        | -        |
| Pembantu Pemuliharaan                    | S17          | 6          | 3          | 1         | -        | -        | -        |
| Pembantu Tadbir Rendah Kanan             | N14          | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Pembantu Tadbir Rendah                   | N11          | 14         | 12         | 1         | -        | -        | -        |
| Pemandu Kenderaan                        | R3           | 1          | 1          | -         | -        | -        | -        |
| Pembantu Am Pejabat                      | N1           | 11         | 10         | 1         | -        | -        | -        |
| <b>JUMLAH</b>                            |              | <b>187</b> | <b>146</b> | <b>19</b> | <b>2</b> | <b>2</b> | <b>1</b> |

## Staf Bersara Wajib

| Bil. | Nama                            | Tarikh Bersara   |
|------|---------------------------------|------------------|
| 1.   | Hassan Darus                    | 10 Mac 2008      |
| 2.   | Mohd Jubri Hj Kusin             | 14 Jun 2008      |
| 3.   | Raja Mohd Noor Raja Abdul Malek | 20 Jun 2008      |
| 4.   | Yahya Pakih                     | 13 Disember 2008 |

## Staf Berhenti / Berpindah



## Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007



Seramai 15 orang staf PSZ telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang berdasarkan kepada pencapaian perkhidmatan sepanjang tahun 2007. Anugerah telah disampaikan pada Majlis Citra Karisma yang telah berlangsung pada 15 Mei 2008 di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia. Penerima anugerah menerima sijil dan wang tunai RM1,000.00. Anugerah Jasa Bakti juga telah diberikan kepada staf yang telah berkhidmat selama 30 tahun dan Anugerah Jasa Setia bagi staf yang berkhidmat selama 20 tahun.

### Anugerah Jasa Bakti

| Bil. | Nama                   | Jawatan / Gred               |
|------|------------------------|------------------------------|
| 1.   | Abdul Jalil Hassan     | Pembantu Perpustakaan / S17  |
| 2.   | Zubaidah binti Mohamed | Pembantu Tadbir Rendah / N11 |

### Anugerah Jasa Setia

| Bil. | Nama                                | Jawatan / Gred              |
|------|-------------------------------------|-----------------------------|
| 1.   | Raja Mohd Noor bin Raja Abdul Malek | Pembantu Pemuliharaan / S17 |



### Penerima Anugerah Kecemerlangan 2007

| Nama                      | Jawatan / Gred                    |
|---------------------------|-----------------------------------|
| Nor Asikin Mohamad        | Ketua Bahagian / S48              |
| Zaleha Atan               | Pustakawan Kanan / S44            |
| Kamariah Mohamed Jong     | Pustakawan Kanan / S44            |
| Haslina Nasir             | Pustakawan Kanan / S44            |
| Mohd Nasir Ibrahim        | Pustakawan Kanan / S44            |
| Zurina Rosmani            | Pustakawan / S41                  |
| Khairulbahiyah Yaakub     | Pustakawan / S41                  |
| Nazrinda A.Samah          | Pustakawan / S41                  |
| Normah Zambri             | Pembantu Perpustakaan Kanan / S22 |
| Saiful Bahri Abdul Rahman | Pembantu Perpustakaan / S17       |
| Mohd Nizam Hashim         | Pembantu Perpustakaan / S17       |
| Zakaria Maidin            | Pembantu Perpustakaan / S17       |
| Aminuddin Mohd Nor        | Pembantu Perpustakaan / S17       |
| Khalid Hj Jaafar          | Pembantu Perpustakaan / S17       |



# Pembangunan Sumber Manusia

## PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

### Program Latihan Dalaman

Di samping menguruskan sumber manusia dari segi perjawatan, PSZ juga merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan staf menerusi latihan, kursus, bengkel, seminar dan persidangan anjuran dalaman UTM atau luar. Pada tahun 2008, sebanyak 22 program pembangunan telah dianjurkan dengan sejumlah RM84,218.24 telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut. Selain menganjurkan latihan dalaman, staf PSZ juga didedahkan dengan program kursus dan latihan anjuran luar bagi memantapkan proses kerja sehari-hari. Program latihan dan kursus ini biasanya dihadiri oleh staf yang mempunyai tugas khusus seperti pengkatalogan, fotografi, amalan pemuziuman dan komunikasi teknologi maklumat (IT) dan server yang dianjurkan oleh agensi luar yang berpengalaman luas serta memiliki kepakaran yang tinggi.

### Amanat Tahun Baru Oleh Ketua Pustakawan

Program pembangunan 2008 dimulakan dengan Taklimat dan Amanat Ketua Pustakawan pada 4 Januari 2008 bertempat di Bilik Seminar 3, PSZ. Taklimat ini diadakan setiap tahun bagi menentukan hala tuju PSZ agar seajar dengan misi dan visi UTM. Ia juga bertujuan untuk membina semangat dan azam baru kepada staf untuk lebih komited menjalankan tugas mereka.



### Kursus Pengendalian Perpustakaan Fakulti

Menyedari permintaan dari fakulti dan jabatan di UTM terhadap kaedah sistematik dalam pengurusan perpustakaan fakulti/jabatan/pusat di UTM, PSZ telah menganjurkan satu kursus pengendalian dan latihan kepada staf yang telah terpilih untuk mengendalikan perpustakaan fakulti.

Bengkel telah berjalan selama seminggu mulai 24 hingga 28 November 2008 dan latihan praktikal berterusan sehingga akhir Disember 2008.




PSZ sentiasa memastikan stafnya kompeten dan efisien menjalankan tugas melalui pengurusan sumber manusia yang mampan



### Lawatan Kerja Luar Negara

Pada tahun 2008 juga, Ketua Pustakawan PSZ, Puan Kamariah Nor Mohd Desa telah berpeluang menyertai persidangan di Auckland University of Technology, Auckland, New Zealand selama empat hari mulai 21 hingga 24 April 2008. Persidangan 29<sup>th</sup> IATUL Conference dengan tema Digital Discovery : Strategies and Solutions telah menarik ramai cendiakawan seluruh dunia berkumpul dan memberikan pendapat masing-masing mengenai topik yang dibincangkan. Persidangan ini menjadi medan mempromosi PSZ dan UTM di mata dunia di samping mencerna idea baru dari Universiti bertaraf dunia untuk digunakan di PSZ dan UTM.



Auckland, New Zealand

## Aktiviti Sukan dan Kemasyarakatan



*Pasukan futsal PSZ*

Di samping aktiviti yang dianjurkan oleh Perpustakaan, staf PSZ juga aktif dengan aktiviti sukan yang dianjurkan oleh pihak Universiti. Pada 13 hingga 23 Jun 2008, lima orang staf PSZ telah mewakili UTM dalam Sukan Staf Antara Universiti yang berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) iaitu Encik Mohd Nasir Ibrahim (tarik tali), Encik Abdul Hadi Taib (tarik tali), Encik Dzulhelmi Mohd Razali (bolasepak), Encik Hasanul Manzar Ismail (bolasepak) dan Encik Mohd Yusoff Mat Yaman (olahraga). Kejohanan telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dan disertai oleh atlet dari Institusi Pengajian Tinggi Awam seluruh Malaysia dan juga wakil dari Kementerian Pengajian tinggi.

Melalui penubuhan Kelab Keluarga dan Staf PSZ (KKPSZ), pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2008 yang melihatkan staf terus aktif dalam aktiviti luar pejabat. Aktiviti KKPSZ lebih banyak tertumpu kepada sukan dan riadah apabila hampir setiap minggu diadakan latihan badminton dan futsal. Beberapa perlawanan persahabatan juga telah diatur bersama fakulti dan jabatan lain bagi mengasah bakat dan mengamalkan gaya hidup sihat. Pada sekitar bulan Mei 2008, satu pertandingan badminton tertutup PSZ telah berjaya diadakan di Kompleks Sukan, UTM. Di samping mengasah bakat, pertandingan ini juga mengerakkan silaturrahim antara staf PSZ Skudai dan PSZ International Campus, Kuala Lumpur. Aktiviti riadah lain yang turut diadakan ialah pertandingan bowling tertutup PSZ di Skudai Bowl, Skudai Parade Johor pada sekitar bulan Julai 2008.

Staf PSZ juga telah mengadakan lawatan ke Ladang Nasuha iaitu sebuah ladang herba yang terbesar di Johor pada bulan Ogos 2008. Staf PSZ telah berpeluang menyaksikan sendiri tanaman-tanaman herba bagi tujuan perubatan dan pembuatan rempah ratus terus dari kilang.



*Ketua Pustakawan bersama meraikan sambutan Hari Raya Peringkat UTM*

Penutup aktiviti tahun 2008 ialah penyertaan PSZ di dalam sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Universiti di Dataran Agora, UTM Skudai dan penganjuran Rumah Terbuka KKPSZ sempena Hari Raya Aidilfitri pada bulan Oktober 2008. Majlis telah berlangsung di Taman Tropika UTM dan dihadiri oleh seluruh warga kerja PSZ bersama keluarga masing-masing. Majlis pada tahun ini amat istimewa dan meriah sekali kerana menu hidangan yang terdiri daripada nasi beriani dan lauk pauk dimasak sendiri oleh warga kerja PSZ.



*Rojak asam menjadi menu pilihan PSZ ketika sambutan Hari Raya Peringkat UTM*



*Merakamkan kenangan di hadapan Ladang Nasuha*

# Jembangunan Koleksi



## PEMBANGUNAN KOLEKSI

Pembangunan koleksi merupakan aktiviti yang perlu dilakukan secara berterusan untuk kemajuan sesebuah organisasi. Justeru, objektif perpustakaan adalah untuk membangunkan koleksi perpustakaan melalui proses belian, serahan dan sumbangan bahan bercetak dan bukan bercetak bagi menyokong tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan universiti.

### Penerimaan Buku, Monograf (serta bahan-bahan lain)

Secara keseluruhan, jumlah penerimaan bahan bagi tahun 2008 adalah sebanyak 15,140 judul (17,571 naskhah) berbanding 13,217 judul (16,381 naskhah) pada tahun 2007. Keseluruhan naskhah koleksi monograf meningkat kepada 5.64% berbanding tahun 2007 iaitu hanya sebanyak 5.57%. Penerimaan bahan radas (cakera padat, kasetvideo, disket, DVD) ialah sebanyak 269 judul (660 unit) bernilai RM251,002.29 dan sebanyak 560 unit adalah bahan lampiran. Penerimaan bahan kartografi (fotograf udara, peta topografi) adalah berjumlah 13 judul (62 syit) bernilai RM1,622.60 dan 1 judul (1 syit) adalah carta lampiran.



| Tahun                  | Judul  | Naskhah |
|------------------------|--------|---------|
| Jumlah penerimaan 2008 | 15,140 | 17,571  |
| Jumlah penerimaan 2007 | 13,217 | 16,381  |

### Pembelian Bahan Perpustakaan

Peruntukan pembelian bahan perpustakaan bagi monograf; bahan pandang dengar; peta dan fotograf udara pada tahun 2008 meningkat 2.41% berbanding tahun 2007 [RM4,500,000.00]. Namun begitu peruntukan ini masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan fakulti dalam pertambahan bilangan naskah bagi judul bahan yang dipesan. Pertambahan bilangan naskhah hanya dibuat bagi judul subjek fakulti yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai ataupun judul bagi subjek yang diajar atau ditawarkan oleh lebih dari satu fakulti dan atas cadangan Pensyarah dan Pustakawan. Keseluruhan pesanan pembelian bahan meningkat bagi semua lokasi berbanding tahun 2007.

### Jurnal dan Pangkalan

Pada tahun 2008, jumlah jurnal bercetak langganan terkini yang menjadi koleksi PSZ adalah sebanyak 303 judul. Jumlah ini berkurang sebanyak 34 judul yang mana judul bercetak ini telah ditukarkan kepada langganan secara dalam talian. Terdapat penambahan sebanyak 35 judul serta 2 keahlian baru. Lima judul pangkalan data baru telah dilanggan bagi menyediakan kemudahan akses teks penuh iaitu All ICE Conference Proceeding & Thomas Telford Journal, Digital Engineering Library, Oxford University Press Online Journals, Scopus, JSTOR : Art & Sciences III dan SPORTDiscuss. PSZ terus memantapkan koleksi buku elektronik dengan pembelian pangkalan data Springer E-Books bagi terbitan tahun 2008~2010.

| Bil. | Perkara                         | Jumlah (Judul) |
|------|---------------------------------|----------------|
| 1.   | Langganan/ keahlian (aktif)     | 306            |
| 2.   | Jurnal elektronik (CD)          | 1,796          |
| 3.   | Jurnal elektronik [atas talian] | 58,171         |
| 4.   | Buku elektronik [atas talian]   | 7,101          |
| 5.   | Tesis Elektronik [atas talian]  | 1,721,235      |
|      | Jumlah                          | 1,788,609      |

Jurnal dan Pangkalan data PSZ 2008

| Bil. | Perkara      | Jumlah (Judul)<br>2008 | Jumlah (Judul)<br>2007 |
|------|--------------|------------------------|------------------------|
| 1.   | Cakera Padat | 11                     | 13                     |
| 2.   | Online       | 52                     | 45                     |
|      | Jumlah       | 63                     | 58                     |



PSZ telah mengambil langkah positif dengan melanggan Serial Solution 360 yang berperanan sebagai ‘platform one stop searching’ bagi memudahkan pengguna untuk mendapatkan maklumat e-jurnal dari keseluruhan pangkalan data yang dilanggan. Ia juga berupaya melakukan kerja-kerja pengindeksan artikel teks penuh dalam talian yang dilakukan dengan mudah.

Dengan langganan judul baru pangkalan data yang mengandungi jurnal serta buku elektronik ini, angka terkini judul elektronik meningkat sebanyak 68.25% iaitu daripada 39,861 kepada 67,068. PSZ juga telah melanggan kepada pangkalan data Proquest Dissertation & Thesis sejak dari tahun 1995 yang membekalkan koleksi tesis elektronik berjumlah 1,721,235 judul.

## Koleksi Khas UTM

Koleksi Khas melibatkan serahan bahan penerbitan oleh jabatan/fakulti/pusat yang terdiri daripada kertas kerja seminar atau prosiding anjuran UTM dan lain-lain penerbitan oleh pihak luar mengenai UTM. Sebanyak 5,672 judul (5,836 naskhah) bahan Koleksi Khas telah diproses dalam sistem perpustakaan. Manakala bahan hadiah yang diinput pula adalah sebanyak 64 judul (125 naskhah). Jumlah keseluruhan bahan yang telah diproses input ringkas oleh PSZ adalah sebanyak 5,736 judul (5,961 naskhah). Secara keseluruhannya, peratus penerimaan bahan Koleksi Khas telah meningkat sebanyak 15.03 % berbanding tahun 2007. Peratus peningkatan penerimaan bagi keseluruhan bahan Koleksi Khas dan Hadiah bagi tahun 2008 adalah sebanyak 14.38 %. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam proses penerimaan artikel kertas kerja dari Pusat Pengurusan Penyelidikan, UTM dan juga projek Sarjana Muda pelajar.

| Jenis Bahan               | Tahun 2008   |                    | Tahun 2007   |                    |
|---------------------------|--------------|--------------------|--------------|--------------------|
|                           | JUDUL        | NASKHAH/<br>KEPING | JUDUL        | NASKHAH/<br>KEPING |
| <b>HADIAH</b>             |              |                    |              |                    |
| Cetak                     | 48           | 98                 | 58           | 118                |
| Radas                     | 16           | 27                 | 26           | 35                 |
| <b>JUMLAH</b>             | <b>64</b>    | <b>125</b>         | <b>84</b>    | <b>153</b>         |
| <b>KOLEKSI KHAS:</b>      |              |                    |              |                    |
| Koleksi Khas Am           | 524          | 688                | 205          | 419                |
| Tesis Sarjana Muda        | 2,558        | 2,558              | 1,964        | 1,964              |
| Tesis Sarjana             | 276          | 276                | 555          | 555                |
| Tesis PhD                 | 25           | 25                 | 89           | 89                 |
| Radas                     | 2,289        | 2,289              | 2,118        | 2,121              |
| <b>JUMLAH</b>             | <b>5,672</b> | <b>5,836</b>       | <b>4,931</b> | <b>5,148</b>       |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> | <b>5,736</b> | <b>5,961</b>       | <b>5,015</b> | <b>5,301</b>       |

Perbandingan Koleksi Khas UTM mengikut tahun

## Hadiah dan Pertukaran

Pembangunan koleksi PSZ turut melibatkan proses mendapatkan bahan-bahan yang sesuai secara percuma atau hadiah daripada universiti awam dan swasta, agensi kerajaan dan swasta serta individu perseorangan.

Bagi bahan hadiah, sebanyak 1,486 naskhah terbitan bersiri telah diterima dan diproses. Ini melibatkan sebanyak 54 judul hadiah aktif semasa dan 91 judul baru terbitan bersiri yang diterima sepanjang tahun 2008. Penerimaan terbitan bersiri bagi 54 judul aktif telah mengalami penurunan sebanyak 9.5% berbanding tahun 2007 iaitu 1,641. Penerimaan bahan monograf hadiah adalah sebanyak 438 naskhah serta 56 naskhah kertas soalan peperiksaan dari pelbagai fakulti. Pada tahun ini juga, bahan hadiah terbitan UTM sebanyak 67 naskhah telah diterima.

| Bil.                      | Bulan                      | JUMLAH      |
|---------------------------|----------------------------|-------------|
|                           | Bahan                      |             |
| 1                         | Buku                       | 438         |
| 2                         | Majalah / terbitan bersiri | 1486        |
| 3                         | Kertas Peperiksaan         | 56          |
| 4                         | Terbitan UTM               | 67          |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b> |                            | <b>2047</b> |



Jumlah hadiah dan pertukaran bagi tahun 2008

## Dokumen Digital

PSZ turut membangun dan menguruskan dokumen dalam bentuk digital bagi menyokong aktiviti pengajaran di UTM. Pendigitalan dokumen dilakukan adalah untuk memastikan bahan-bahan PSZ terutamanya bahan koleksi khas dapat diakses secara atas talian. Antara bahan yang terlibat di dalam projek pendigitalan ini adalah terdiri daripada bahan tesis Pasca Ijazah, kertas soalan, laporan penyelidikan, artikel daripada jurnal UTM dan juga keratan akhbar. Secara keseluruhannya, pada tahun 2008 telah menunjukkan peningkatan bahan tesis yang telah diproses digital iaitu sebanyak 87%.



| BAHAN                         | 2007         |               | 2008         |               |
|-------------------------------|--------------|---------------|--------------|---------------|
|                               | Judul        | Helaian       | Judul        | Helaian       |
| Kertas soalan peperiksaan UTM | 990          | 7704          | 814          | 6,581         |
| Tesis Pasca Ijazah            | 63           | 11,075        | 523          | 85,567        |
| Laporan Penyelidikan          | 10           | 25            | -            | -             |
| <b>Jumlah</b>                 | <b>1,063</b> | <b>18,804</b> | <b>1,337</b> | <b>92,148</b> |

Perbandingan Dokumen Digital mengikut tahun

## Koleksi Khas Hadiyah

Koleksi Khas Hadiyah hanya terdiri dari buku-buku sumbangan bekas pelajar dan juga dari pensyarah UTM. Bagi tahun 2008, sebanyak 302 judul (671 naskhah) bahan telah diaghikan ke pelbagai organisasi lain sebagai bahan Hadiyah dan Pertukaran. Manakala sebanyak 33 judul bahan telah diserahkan ke Perpustakaan Negara Malaysia di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986.



## Pengkatalogan Bahan

Jumlah bahan yang dikatalog pada tahun 2008 telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan apabila terdapat penambahan dari segi judul bahan yang diproses. Daripada jadual menunjukkan pertambahan sebanyak 1,661 judul atau peningkatan kepada 8.36%. Antara sebab utama kepada peningkatan jumlah bahan yang dikatalog ialah dengan adanya sistem sokongan pengkatalogan yang digunakan iaitu sistem Marcedit yang berupaya mempercepatkan proses pengkatalogan bahan. Selain daripada itu, beberapa penambahbaikan dari segi proses kerja turut menyumbang kepada meningkatnya jumlah bahan yang telah dikatalog dan diproses.

| Jumlah Bahan DiKatalog | 2007   | 2008   | Peratusan |
|------------------------|--------|--------|-----------|
| Judul                  | 19,877 | 21,538 | 8.36%     |
| Naskhah                | 29,234 | 25,177 | 14%       |

*Jumlah bahan dikatalog*

| Bahan                | Judul  | Naskhah |
|----------------------|--------|---------|
| Buku                 | 13,323 | 16,190  |
| Cakera Padat         | 3,538  | 4,023   |
| Tesis                | 3,898  | 3,899   |
| Mikrofilem           | 661    | 661     |
| Laporan Penyelidikan | 9      | 9       |
| Lain-lain            | 109    | 395     |
| Jumlah Keseluruhan   | 21,538 | 25,177  |

*Jumlah pengkatalogan mengikut jenis bahan*





J  
erkhidmatan

## PERKHIDMATAN

### Penggunaan Perpustakaan

Bagi tahun 2008, jumlah pengguna perpustakaan ialah seramai 954,619 pengguna iaitu peningkatan sebanyak 24.89% jika dibandingkan dengan tahun 2007 iaitu sebanyak 764,374 pengguna sahaja. Peningkatan yang ketara ini memberi petunjuk kepada peningkatan kemudahan di perpustakaan seperti pertambahan koleksi buku baru, kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi dan peningkatan promosi perpustakaan di samping layanan mesra pengguna.

### Peminjaman Bahan

Secara keseluruhan, peminjaman bahan bagi tahun 2008 adalah berjumlah 335,631 bahan iaitu peningkatan sebanyak 14.06% dibandingkan dengan jumlah pinjaman 296,042 pada tahun 2007. Terdapat peningkatan bagi pinjaman melalui mesin Sistem Peminjaman Layanan Diri yang berjumlah 164,561 bahan berbanding hanya 135,636 pada tahun 2007. Pertambahan penggunaan sebanyak 21.33% dibandingkan dengan tahun 2007 ini adalah berkaitrapat dengan prestasi baik mesin Sistem Peminjaman Layanan Diri baru yang disediakan pada Januari 2008.

### Peminjaman dan Penggunaan Bahan Mengikut Kategori Ahli

Peminjaman oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda masih merupakan kategori ahli yang paling banyak meminjam iaitu berjumlah 243,265 pinjaman pada tahun 2008. Ini adalah peningkatan sebanyak 1.58% jika dibandingkan 239,432 pinjaman pada tahun 2007. Ini diikuti dengan kategori lain seperti Pelajar Sarjana berjumlah 50,096 pinjaman iaitu peningkatan yang ketara sebanyak 42.4% pada tahun 2008 jika dibandingkan dengan 35,182 pinjaman pada tahun 2007. Peminjaman bagi Pelajar Doktor Falsafah pula menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu 12,940 pinjaman dan diikuti oleh Staf Akademik berjumlah 12,749 pinjaman.



Dising meminjam buku di PSZ, pelajar juga boleh merehatkan minda di ruang santai.



Buku di PSZ disusun berdasarkan Library of Congress Classification System

| Kategori Ahli                               | Jumlah Pinjaman 2008 |
|---|----------------------|
| Staf Tingkatan Kanan                        | 420                  |
| Staf Akademik                               | 12,749               |
| Tutor                                       | 1,140                |
| Staf Am                                     | 4,710                |
| Pelajar Diploma                             | 9                    |
| Pelajar Diploma Lanjutan                    | 2,548                |
| Pelajar Ijazah                              | 243,265              |
| Pelajar Sarjana                             | 50,096               |
| Pelajar Doktor Falsafah                     | 12,940               |
| Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Sijil/Diploma | 378                  |
| Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Ijazah        | 3,828                |
| Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Sarjana/Phd   | 471                  |
| Peserta Kursus                              | 77                   |
| Pem. Pegawai Penyelidik                     | 599                  |
| Pegawai Penyelidik                          | 814                  |
| Keahlian Luar                               | 0                    |
| Ahli Keluarga UTM                           | 158                  |
| Lain-lain kategori                          | 1,429                |
| Jumlah                                      | 335,631              |

Peminjaman dan penggunaan bahan mengikut kategori ahli



## **Interlibrary Loan**

Permohonan ‘Interlibrary Loan’ kepada Institusi Luar pada tahun 2008 adalah sebanyak 296 permohonan. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 27% berbanding 404 permohonan pada tahun 2007. Permohonan buku paling tinggi kebanyakannya dihantar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Permohonan artikel dari jurnal yang paling tinggi dihantar ke British Library Document Supply Centre (BLDSC) dan juga ke Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia.

Permohonan Interlibrary Loan (ILL) Daripada Institusi Luar kepada UTM menunjukkan peningkatan sebanyak 25% iaitu 547 permohonan pada tahun 2007 kepada 684 permohonan pada tahun 2008. Institusi yang paling banyak membuat permohonan ke UTM adalah Universiti Malaysia Sarawak (180 permohonan), Universiti Teknologi Petronas (123 permohonan) diikuti oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (56 permohonan). PSZ juga telah menerima permohonan buku dari luar negara iaitu dari Bangor University, United Kingdom. Pada tahun 2008, didapati Pelajar Pasca Ijazah paling banyak membuat permohonan iaitu 205 permohonan diikuti dengan pensyarah sebanyak 123 permohonan.

|                  |           | Tahun 2008 |            |            |             |
|------------------|-----------|------------|------------|------------|-------------|
| Kategori Pemohon | BLDSC     | Buku       | Artikel    | Jumlah     | Peratus     |
| Pensyarah        | 39        | 47         | 37         | 123        | 26%         |
| Pasca Ijazah     | 10        | 130        | 65         | 205        | 44%         |
| Pelajar          | 13        | 74         | 32         | 119        | 25%         |
| Staf             | 4         | 18         | 1          | 23         | 5%          |
| <b>JUMLAH</b>    | <b>66</b> | <b>269</b> | <b>135</b> | <b>470</b> | <b>100%</b> |
|                  |           | Tahun 2007 |            |            |             |
| Kategori Pemohon | BLDSC     | Buku       | Artikel    | Jumlah     | Peratus     |
| Pensyarah        | 15        | 106        | 26         | 147        | 26%         |
| Pasca Ijazah     | 8         | 73         | 40         | 121        | 22%         |
| Pelajar          | 11        | 177        | 73         | 261        | 47%         |
| Staf             | 38        | 22         | 1          | 27         | 5%          |
| <b>JUMLAH</b>    | <b>38</b> | <b>378</b> | <b>140</b> | <b>556</b> | <b>100%</b> |

*Permohonan ILL berdasarkan kategori pengguna*



## **Perkhidmatan Halaman Kandungan**

Jumlah permohonan Perkhidmatan Halaman Kandungan pada tahun 2008 adalah seramai 29 pemohon (22 orang pensyarah dan 7 badan korporat) berbanding 26 pemohon pada tahun 2007. Jumlah penghantaran jurnal bercetak adalah sebanyak 985 manakala jurnal atas talian sebanyak 1,065. Jumlah keseluruhan penghantaran adalah sebanyak 2,050. Jumlah keseluruhan penghantaran Halaman Kandungan berjaya memenuhi lebih dari 80% permintaan pemohon setahun iaitu 96.33% mengikut Objektif Kualiti yang telah ditetapkan.

## Khidmat Runding Rujuk di Meja Penasihat Pengguna

| BIL. | PERKHIDMATAN   | 2007 | 2008 | Peratus (%) |
|------|--|------|------|-------------|
| 1.   | Pertanyaan Rujukan di Meja Penasihat Pengguna  | 5745 | 7684 | +34         |
| 2.   | Pinjaman Bahan Rujukan (Dalam PSZ)   | 666  | 369  | -45         |
| 3.   | Permohonan Rujukan Pengguna PSZ ke perpustakaan luar   | 230  | 89   | -61         |
| 4.   | Permohonan Rujukan (Melalui Borang) di MPP   | 2633 | 1971 | -25         |
| 5.   | Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan (Borang PSZ 27.1)  | 19   | 46   | +142        |
| 6.   | Maklumbalas Perkhidmatan Perpustakaan Melalui Emel bagi Kategori Aduan, Penghargaan dan Cadangan | 18   | 6    | -66         |
| 7.   | Pertanyaan Rujukan Emel (Elektronik) Bagi Kategori Umum  | 237  | 362  | +53         |

*Maklumbalas perkhidmatan perpustakaan bagi tahun 2008*

### Maklumbalas Perkhidmatan

Penerimaan maklumbalas bagi perkhidmatan perpustakaan menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 46 borang maklumbalas diterima dalam tahun 2008 berbanding 19 permohonan bagi tahun 2007. Maklumbalas mengenai perkhidmatan dan kemudahan adalah yang paling tinggi diterima diikuti staf, koleksi dan lain-lain perkhidmatan.



*Pengguna boleh menikmati perkhidmatan Internet yang disediakan oleh PSZ pada bila-bila masa*

### Maklumbalas melalui Emel dan Modul “Online Reference Desk” Bagi Kategori Aduan, Penghargaan dan Cadangan

Sebanyak enam emel diterima pada tahun 2008 berbanding 18 emel diterima bagi kategori aduan dan penghargaan yang menunjukkan penurunan sebanyak 66%. Bagi tahun ini terdapat tiga isu penghargaan melibatkan dua isu perkhidmatan dan kemudahan dan satu isu melibatkan staf. Terdapat tiga isu melibatkan aduan berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang telah diterima.

| BIL.   | PERSOALAN                  | 2007 | 2008 | JUMLAH |
|--------|----------------------------|------|------|--------|
| 1      | Perkhidmatan dan kemudahan | 207  | 345  | +66%   |
| 2      | Koleksi                    | 24   | 16   | -33%   |
| 3      | Staf                       | 0    | 0    | 0%     |
| 4.     | Lain-lain                  | 6    | 1    | -83%   |
| JUMLAH |                            | 237  | 362  | +53%   |

*Perbandingan maklumbalas perkhidmatan perpustakaan*

### Pertanyaan Rujukan Elektronik Melalui Emel Bagi Kategori Umum

Perkhidmatan ini menunjukkan peningkatan iaitu 362 pertanyaan diterima bagi tahun 2008 berbanding 237 pertanyaan bagi tahun 2007. Pertanyaan rujukan yang diterima adalah berkisar kepada perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh PSZ. Peningkatan sebanyak 53% ini dilihat sebagai penanda pelanggan PSZ semakin mengetahui maklumat berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.



## Rujukan Oleh Pengguna Luar

PSZ menerima 250 permohonan luar untuk membuat rujukan ke PSZ bagi tahun 2008 berbanding 279 permohonan bagi tahun 2007 iaitu penurunan sebanyak 10%.

| BIL.   | KATEGORI  | 2007 | 2008 | PERATUS (%) |
|--------|---|------|------|-------------|
| 1.     | Institusi Pengajian Tinggi Awam / Maktab / Institusi Perguruan/Politeknik | 109  | 117  | +7%         |
| 2.     | Institusi Pengajian Tinggi Swasta   | 35   | 43   | +23 %       |
| 3.     | Pelajar Peringkat Sekolah   | 26   | 11   | -58 %       |
| 4.     | Jabatan/Agenzia Kerajaan  | 54   | 36   | -33 %       |
| 5.     | Agenzia Swasta  | 48   | 35   | -27 %       |
| 6.     | Lain-lain   | 7    | 8    | +14%        |
| JUMLAH |   | 279  | 250  | -10%        |

*Rujukan oleh pengguna luar ke PSZ*

## Kemahiran Pencarian Maklumat Melalui Kelas Kemahiran Perpustakaan



Sepanjang tahun 2008, PSZ telah mengendalikan sebanyak 302 Kelas Kemahiran Perpustakaan dengan kehadiran sejumlah 4,788 orang pelajar. Jumlah kelas meningkat sebanyak 1.3% berbanding dengan tahun 2007. faktor kenaikan ini adalah dipengaruhi oleh permohonan untuk matapelajaran UQP1211: Asas Kemahiran Pencarian Maklumat yang meningkat dengan baik berbanding dengan tahun 2007. Namun begitu, keseluruhan jumlah pelajar yang mengikuti kelas kemahiran perpustakaan pada tahun 2008 telah menurun sebanyak 15.2% berbanding dengan tahun 2007.

Kelas Kemahiran Asas PSZ terbahagi kepada UHB1412: English For Academic Communication dan Program Kemahiran Pencarian Maklumat untuk pelajar baru Sekolah Profesional dan Pendidikan Berterusan (SPACE). Kelas Kemahiran Lanjutan pula diadakan oleh PSZ sebagai sebahagian daripada matapelajaran Research Methodology & Information Retrieval. Ini bagi memudahkan para pelajar yang bakal membuat Projek Sarjana Muda mereka. Pada tahun 2008, sebanyak 71 kelas telah dijajakan dengan kehadiran seramai 1,005 orang pelajar.

## Matapelajaran KoKurikulum

Lapan seksyen telah ditawarkan sepanjang tahun 2008 dengan seramai 188 orang pelajar. Semua pelajar kokurikulum ini telah mengikuti lawatan ke Perpustakaan Multimedia dan Kampung Buku Malaysia di Melaka pada 16 Februari 2008. Manakala fasilitator setiap kelas telah mengikuti Kursus Pembangunan Modul Kemahiran Insaniah dan Jaminan Kualiti Jurulatih Kokurikulum pada 21 hingga 24 Februari 2008 di Hotel Puteri, Melaka dan Bengkel Pemantapan Hasil Pembelajaran Kursus Kokurikulum pada 23 hingga 24 Disember 2008 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Johor.



| Bil    | Kategori Kelas                        | 2008  |       | 2007  |       |
|--------|---------------------------------------|-------|-------|-------|-------|
|        |                                       | Kelas | Hadir | Kelas | Hadir |
| 1.     | Kelas Kemahiran Asas                  | 117   | 3,595 | 119   | 3,819 |
| 2.     | Kelas Kemahiran Lanjutan              | 71    | 1,005 | 96    | 1,598 |
| 3.     | UQP1211: Kemahiran Pencarian Maklumat | 114   | 188   | 83    | 232   |
| JUMLAH |                                       | 302   | 4,788 | 298   | 5,649 |

*Statistik kelas kemahiran pencarian maklumat PSZ sepanjang tahun 2008*

## Lawatan

PSZ telah menerima kunjungan daripada pelbagai organisasi, sekolah dan institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar Johor Bahru serta luar negara sepanjang tahun 2008. PSZ telah menerima Profesor Pelawat dari luar negara iaitu seramai sebelas orang dan bilangan ini meningkat berbanding hanya dua orang sahaja yang telah melawat ke PSZ pada tahun 2007.



Pelawat dari Korea diberikan taklimat oleh Puan Noraziah Sharuddin mengenai penggunaan mesin SPLD



Pelawat dari Amerika



Pameran yang diadakan di foyer menjadi medan perkenaan maklumat

| Kategori Pelawat                         | 2007 | 2008 |
|--|------|------|
| Institusi Pengajian Tinggi (Tempatan)    | 17   | 9    |
| Institusi Pengajian Tinggi (Luar Negara) | 12   | 17   |
| Organisasi Luar                          | 5    | 1    |
| Sekolah                                  | 45   | 40   |
| Jumlah Keseluruhan                       | 79   | 67   |

Jumlah pelawat PSZ

## Bengkel, Latihan dan Taklimat Pelajar



Bengkel, latihan dan taklimat kepada pelajar bertujuan mempromosi secara intensif penggunaan pangkalan data atas talian serta sumber maklumat digital yang sangat diperlukan oleh Penyelidik UTM. PSZ menetapkan sasaran 80% tahap kepuasan bagi peserta yang mengikuti bengkel ini. Bengkel yang terlibat adalah Bengkel Metodologi Penyelidikan (ULP010) dan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), Bengkel Databases Searching Skills, Sesi Perkongsian Ilmu, Training for Trainers / Researchers, Bengkel EndNotes, Bengkel Publication & Citation serta Taklimat Pelajar Pasca Ijazah dan PESISIR.

Sebanyak 45 bengkel serta taklimat pelajar pasca ijazah, staf akademik dan bengkel pencarian maklumat pangkalan data telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan yang amat menggalakkan iaitu seramai 2,617 orang.

Berdasarkan kepada perkembangan kaedah pembelajaran semasa, PSZ juga telah menambahbaik prosesnya dengan memanjangkan perkhidmatan kepada pusat-pusat pembelajaran jarak jauh. Ia secara tidak langsung dapat memberi kemudahan merujuk bahan perpustakaan kepada pelajar UTM yang berada di lain-lain lokasi pusat pembelajaran di seluruh negara. PSZ berharap bengkel seperti ini dapat diperluaskan lagi ke fakulti dan jabatan lain di dalam kampus agar hebatan dan kemahiran pencarian maklumat penyelidikan terutamanya maklumat digital mampu dikuasai oleh warga UTM.

## PROMOSI



### Bicara Tokoh

Program Bicara Tokoh telah dikendalikan di Bilik Seminar 3, PSZ dengan dihadiri oleh 130 orang terdiri dari pelajar dan staf pelbagai peringkat UTM pada 17 Jun 2008. Y. Bhg Dato' Prof. Ir. Dr. Zaini Ujang, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan & Inovasi) pada ketika itu selaku tokoh yang dijemput telah sudi untuk berbicara dan berkongsi pandangan mengenai Budaya Akademia.

Beliau sangat mengharapkan UTM khususnya dan Institusi Pengajian Tinggi amnya akan menjadi medan keilmuan. Pemupukan Budaya Akademia akan dapat membentuk masyarakat kampus berteraskan ilmu dan memastabatkan kedudukan ilmu di tempat tertinggi.

### Pertandingan Esei Sempena Kemerdekaan

Pertandingan yang bertemakan 'Belia Patriotik, Negara Berdaulat' ini dijalankan sepanjang Ogos 2008 bagi sama-sama meraikan dan menghayati Sambutan Bulan Kemerdekaan. Pertandingan dibuka kepada semua mahasiswa UTM dan sebanyak 34 penyertaan telah diterima. Tempat pertama dimenangi oleh Muhammad Azrul Azam bin Mat Isa dari Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber Manusia tempat kedua Muhammad Harmizi b. Abdul Rahman dari Fakulti Alam Bina dan tempat ketiga Yip Kok Seng dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.



*Pemenang Pertandingan Esei Kemerdekaan merakankan kenangan bersama  
Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Khoo Kay Kim*

### Bicara Merdeka



*Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Khoo Kay Kim*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Khoo Kay Kim telah diundang pada 27 Ogos 2008 untuk menyampaikan ceramah berkaitan isu kemerdekaan di Dewan Senat, UTM. Program usahasama dengan Pusat Ko-Kurikulum selama dua jam setengah ini mendapat sambutan hangat audien yang terdiri dari pelajar dan staf UTM seramai lebih 400 orang. Isu kemerdekaan yang diutarakan banyak menyentuh perihal berkaitan perpaduan, kontrak sosial dan senario politik semasa. Kehadiran tokoh sejarahwan ini telah memberi impak positif dari aspek pemupukan semangat nasionalisme dengan pendedahan beberapa isu yang kurang diberi perhatian oleh orang ramai terutama isu berhubung cara berfikir, hala tuju masa depan dan kedaulatan sesebuah negara.

Lima hadiah saguhati pula telah dimenangi oleh Siti Aminah bt. Mokhtar dari Fakulti Biosains & BioKejuruteraan, Zainab bt. Razali dari Fakulti BB, Noor A'in bt. A. Rahman dari Fakulti Sains, Ahmad Ihwan b. Mohd Razali dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Md Ghazali b. Subandi dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Pertandingan ini bukan sahaja dapat mencungkil intelektual dan pengetahuan mahasiswa mengenai pembangunan insaniah, kualiti dan jatidiri tetapi juga berjaya mengasah bakat dalam penulisan.

## Sesi Penjanaan Ilmu Melalui Program Budaya Membaca



Antara panel Bicara Buku: *Hadiyah Nobel & Kreativiti Sains yang terlibat*

Program Bicara Buku : Hadiyah Nobel & Kreativiti Sains telah diadakan pada 22 Oktober 2008 bertempat di Bilik Seminar, PSZ. Majlis yang telah dipengerusikan oleh Tuan Hj. Azmi Shah Suratman dari Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, UTM dan panel jemputan terdiri dari Encik Kassim Tukiman, Dr. Sugeng Triwahyono dan En. Mohd. Azhar Abd. Hamid. Program menyaksikan seramai 150 orang terdiri dari pelajar UTM telah mengikutinya.

## Minggu Amalan Hidup Sihat UTM

Program ini telah berlangsung selama dua minggu mulai 1 hingga 15 April 2008 hasil usahasama PSZ dengan Unit Kebudayaan UTM serta Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru. Sempena program ini, beberapa aktiviti telah dijalankan iaitu Pameran Amalan Gaya Hidup Sihat bermula 1 hingga 15 April 2008 bertempat di Lobi Pameran, PSZ. Pameran telah mengetengahkan poster amalan pemakanan, senaman, pengurusan stres, tabiat merokok dan ketagihan alkohol serta sampel komposisi makanan.

Ceramah Amalan Pemakanan Sihat telah diadakan dengan menjemput penceramah iaitu Cik Nor Idayu Idris, Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan Daerah, Johor Bahru pada 9 April 2008 bertempat di Bilik Seminar 3, PSZ. Di tempat yang sama juga turut diadakan Ceramah Pengurusan Stress oleh penceramah jemputan iaitu Puan Rohailina Rasimin, Jurupulih Perubatan Cara Kerja, Hospital Permai, Johor. Kedua-dua ceramah menyaksikan kehadiran seramai 80 orang terdiri dari pelajar dan staf UTM.

Ceramah Kunyit & Kanser oleh penceramah Prof. Ramlan Abd. Aziz, Pengarah Loji Pandu Kejuruteraan Kinia dan Sumber Asli (CEPP) telah diadakan pada 11 April 2008 dengan kehadiran seramai 100 orang terdiri dari staf UTM.

Bagi menjayakan Program Budaya Membaca 2008, aktiviti-aktiviti yang berkaitan pemupukan budaya keilmuan telah dijalankan sepanjang tahun 2008.

Sebagai usaha memperkasakan budaya cintakan ilmu di kalangan warga kampus amnya dan PSZ sendiri khasnya, Sesi Penjanaan Ilmu telah dianjurkan dari masa ke semasa sebagai medan perkongsian maklumat melalui ulasan dari buku-buku yang dipilih oleh para pengulas.



Ceramah Kunyit & Kanser oleh Prof. Ramlan Abd.



Senamrobik di Dewan Senat UTM adalah antara acara yang diadakan sempena Amalan Hidup Sihat UTM



Pameran Gaya Hidup Sihat yang diadakan di foyer PSZ menarik minat pelajar

## Promosi PSZ Di Web 'E-Learning' UTM

Maklumat dan perkhidmatan PSZ dipaparkan dan dikemaskini di web 'e-learning' UTM melalui kategori subjek 'Library Resources'. PSZ sedar penyertaan dalam laman web ini memainkan peranan penting dalam usaha PSZ meningkatkan pengetahuan pelajar UTM dari aspek kemahiran pencarian maklumat. PSZ telah bekerjasama dengan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (CTL), UTM untuk mengemaskini maklumat yang dipaparkan. Antara maklumat yang terdapat dalam 'E-Learning' ini adalah makluman dan aktiviti / program terkini PSZ, maklumat am PSZ, sistem katalog perpustakaan (INFOLAN2), sumber maklumat elektronik meliputi pakej maklumat mengikut fakulti, pangkalan data atas talian, 'e-books' & 'e-journals', Perkhidmatan atas talian iaitu kelas kemahiran perpustakaan, forum akademik dan rujukan maklumat, perkhidmatan PSZ yang disediakan, Panduan menulis tesis, Koleksi tesis UTM dan prosedur merujuk, Format menulis rujukan dan bibliografi dan Penerbitan atas talian.



## Media dan Tayangan

Perkhidmatan media semakin menjadi popular masa kini. Justeru, PSZ telah menyediakan komputer multimedia dalam format CD, VCD, DVD dan disket melalui 16 unit komputer bagi tujuan merujuk kamus digital, ensiklopedia digital, interaktif dan animasi, perisian komputer, menonton filem secara individu dan mendengar lagu.

Pengguna PSZ juga boleh menggunakan headphone (tanpa mikrofon) & headset (gabungan speaker dan mikrofon) yang boleh diperolehi melalui kaunter media untuk aktiviti tugas dan merehatkan minda di dalam Perpustakaan.

Bagi mempromosi PSZ secara menyeluruh, sesi tayangan diadakan di sudut Chess. Mulai tahun 2008, ruangan aras 3, PSZ merupakan ruang interaktif bagi pengguna untuk menonton tayangan filem melalui TV plasma yang disediakan. Tayangan ini diadakan pada setiap hari iaitu pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari.

## Pameran

PSZ telah mengendalikan sebanyak 7 sesi pameran sepanjang 2008. Pameran sempena memperingati 10 tahun penganugerahan pensijilan ISO 9001: 2000 dan sistem pengurusan kualiti Perpustakaan Sultanah Zanariah telah diadakan di foyer PSZ dari 28 April sehingga 3 Jun 2008. Seluruh warga UTM dapat melihat dengan lebih dekat lagi sedekad sejarah sistem pengurusan kualiti PSZ dan bagaimana penerapan budaya kualiti diamalkan.



| Bil | Tarikh         | Judul   | Penganjur                             |
|-----|----------------|---|---------------------------------------|
| 1.  | 27-29 Februari | Tesis Senireka 'Thesis Fair '08'  | Persatuan Arkitek UTM                 |
| 2.  | 3-7 Mac        | Seni Silat Cekak Malaysia   | Ko-Kurikulum Seni Silat Cekak UTM     |
| 3.  | 18-22 Mac      | Dari Budaya Keganasan ke Budaya Keamanan : Transformasi Semangat Kebudayaan | Persatuan Kejuruteraan Bioproses, UTM |
| 4.  | 1-15 April     | Minggu Amalan Gaya Hidup Sihat  | PSZ                                   |
| 5.  | 15-24 Mei      | Anugerah Kualiti Naib Canselor: Quality Towards Excellence                  | PSZ                                   |
| 6.  | 7-11 Julai     | Fotografi   | Kelab Fotokreatif, UTM                |
| 7.  | 14-18 Julai    | Taekwondo (WTF)   | Persatuan Taekwondo, UTM              |

Pameran PSZ bagi tahun 2008

## Penerbitan

Usaha promosi yang telah dibuat oleh PSZ pada tahun 2008 adalah melalui Buletin Perpustakaan, Buku Panduan, Laporan Tahunan, brosur dan risalah yang berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan serta aktiviti perpustakaan, banner, bunting, poster, buku program serta cenderahati. PSZ turut terlibat dalam penulisan di Skudai Post, UTMOnline, Prospektus Kemudahan dan Perkhidmatan UTM dan Manual Panduan Staf Baru UTM. PSZ juga turut menerbitkan maklumat bagi rujukan para pelanggan PSZ menerusi 'Electronic Board' yang terdiri daripada maklumat am, program terkini dan makluman semasa berkaitan penutupan, perkhidmatan dan sebagainya.

## Perpustakaan Fakulti Alam Bina

Seramai 3,125 pengguna telah menggunakan kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan Fakulti Alam Bina pada tahun 2008 dengan jumlah pinjaman bahan sebanyak 447 sepanjang tahun. Jumlah penerimaan Projek Sarjana Muda dan Tesis Master/Phd pada tahun 2008 berjumlah 370 judul. Penerimaan bahan-bahan lain seperti (buku hadiah, buku belian oleh PSZ, jurnal, kertas kerja seminar, laporan latihan industri dan cakera padat) berjumlah 395 judul. Manakala jumlah keseluruhan penerimaan berjumlah 765 judul. Jumlah keseluruhan tesis yang ada pula adalah berjumlah 5,020 judul. Jumlah keseluruhan koleksi sehingga 2008 adalah 7,106 judul.



## SOKONGAN PENYELIDIKAN

PSZ menyediakan perkhidmatan Sokongan Penyelidikan bagi memberi perkhidmatan berdasarkan maklumat khusus bagi menyokong usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) di UTM, menyediakan akses mudah kepada maklumat daripada pangkalan data langganan PSZ dan lain-lain sumber maklumat serta memberi kemahiran kepada penyelidik/pengguna dalam penggunaan/pencarian maklumat menggunakan Pangkalan Data.



### Kajian 'Citations dan High Impact Journal'

PSZ telah mengumpul dan menyediakan maklumat penulisan staf dan penyelidik UTM untuk mengenalpasti rujukan kepada penulisan berkenaan melalui Web of Knowledge dan SCOPUS. Disamping itu, PSZ juga telah menyediakan senarai High Impact Journal dan dipaparkan di laman web PSZ untuk keperluan rujukan Universiti.

## Pangkalan Data Tambahan Dan Percubaan

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 4 judul pangkalan data tambahan telah dilanggan iaitu JSTOR (Art & Sciences III), SCOPUS, SportDiscuss via EBSCOHost dan McGraw-Hill Digital Engineering Library.

## Akses Pangkalan Data Melalui Virtual Private Network

Bagi tahun 2008, sejumlah 6,495,430 capaian (hits) penggunaan perkhidmatan ini telah direkodkan. Akses pangkalan data melalui perkhidmatan ini sekaligus memberi kemudahan kepada warga UTM mengakses pangkalan data dari mana-mana lokasi mereka berada melalui kemudahan capaian melalui Virtual Private Network.

## Pusat Sumber CEPP

Peminjaman dan pemulangan bahan di Pusat Sumber Chemical Engineering Pilot Plant (CEPP) telah dibuat menggunakan Modul Sirkulasi (Sistem ADVANCE). Bagi tahun 2008, sejumlah 243 transaksi telah dijalankan iaitu peminjaman kepada staf, pelajar Ijazah Sarjana dan pensyarah.

Keseluruhannya, seramai 5,349 pengguna telah menggunakan Pusat Sumber CEPP dengan purata 22 orang sehari pada tahun 2008. Kategori pengguna meliputi pelajar pasca ijazah, Pegawai dan Pembantu Penyelidik, pelajar praktikal dari institusi pengajian tinggi awam mahu pun swasta. Selain itu terdapat juga pelajar perdana dari pelbagai fakulti, peserta kursus, pelajar Maktab Rendah Sains MARA dan individu yang datang untuk membuat rujukan dan mendapatkan maklumat.



## Pusat Sumber Business Advance Technology Centre

Pusat Sumber Business Advance Technology Centre (BATC) juga memainkan peranan yang penting dalam menyokong aktiviti pembelajaran dan penyelidikan di UTM di samping membantu para pelajar Pasca Ijazah dari UTM *International Campus*, Kuala Lumpur.

Peranan Pusat Sumber BATC kini bukan saja sebagai sebuah pusat sumber akademik yang memberikan penekanan kepada perkhidmatan maklumat dan pembangunan koleksi, tetapi juga sebagai sebuah Pusat Sumber digital yang menyediakan sistem rangkaian maklumat secara elektronik.

Perkembangan dan perubahan semasa seperti peningkatan bilangan pelajar dan perubahan permintaan dari pusat-pusat kecemerlangan di UTM *International Campus* Kuala Lumpur kepada kemudahan mendapat maklumat adalah ciri-ciri keperluan untuk Pusat Sumber digital.

Sepanjang tahun 2008, Pusat Sumber BATC telah mengendalikan sebanyak 11 Bengkel Pencarian Maklumat.



## AUTOMASI PERPUSTAKAAN

### Laman Web Kualiti Baru Diwujudkan

Laman web Sistem Pengurusan Kualiti telah dibangunkan bagi memudahkan urusan kandungan dan susunan dokumen dapat dikemaskini dan mudah untuk diakses. Ini juga bertujuan bagi menampakkan susunan kandungan yang lebih tersusun dan menarik. Pembangunan laman web telah bermula dari bulan Mei sehingga November 2008 dengan susunan dan kategori maklumat yang terdapat di dalamnya telah dikemaskini mengikut keperluan dokumen ISO.

The screenshot shows the homepage of the 'Sistem Pengurusan Kualiti' (Quality Management System) for the Sultanah Zanariah Library. The header features the title 'Sistem Pengurusan Kualiti' and 'Perpustakaan Sultanah Zanariah'. A sidebar on the left contains a menu with links like 'Laman Utama', 'Sejarah', 'Carta Organisasi', 'Pola', 'Perancangan Strategik', 'Keahlian Mereka', and 'Dokumentasi'. The main content area includes sections for 'VISI' (Vision), 'MISI' (Mission), 'OBJEKTIF' (Objectives), and a 'Pendapat' (Feedback) section. Logos for 'QUALITY SYSTEM' and 'STANDARDS' are visible in the top right corner.

Laman web Sistem Pengurusan Kualiti yang dibangunkan oleh PSZ

### Membina Animasi Montaj

Sepanjang tahun 2008, beberapa montaj bagi aktiviti PSZ telah berjaya dihasilkan antaranya ialah Montaj Perasmian Conference on Customer Focused Culture pada 9-11 Jun 2008 dan Montaj Persembahan Taklimat Sempena Lawatan Y.Bhg. Tan Sri Halim Ali ke PSZ pada 16 Ogos 2008. PSZ juga bekerjasama dengan pihak Universiti dalam penyediaan montaj untuk aktiviti Universiti bagi acara perasmian antaranya ialah Montaj Malam Jasamu Dikenang pada 4 Januari 2008 dan Montaj Kemerdekaan di Pusat KoKurikulum, UTM pada 21 Ogos 2008.

### Membangunkan Laman 'Web Content Management'

Laman web bagi Content Management telah dibangunkan pada bulan November 2008 bagi menyusun, mengemaskini maklumat dan data dari jurnal Wiley InterScience dan dokumen bagi Inter Library Loan supaya dapat diakses semula dengan lebih cepat dan berkesan. Laman web ini dibangunkan dengan menggunakan 'open source' CMS Joomla 1.5 dan pencarian bahan adalah mengikut kategori dan seksyen.

### Kemudahan Komputer

PSZ telah menerima sebanyak 200 unit komputer baru dari Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTM pada 18 Januari 2008 bagi menggantikan 200 unit komputer peribadi Fujitsu yang telah dibekalkan sebelum ini iaitu pada tahun 2001. Melalui gantian komputer ini, penggunaan komputer di ruang terbuka aras 3, PSZ menjadi lebih efisien dan mudah bagi mendapatkan maklumat untuk proses pembelajaran pengguna di UTM. Setakat 2008, bilangan komputer yang terdapat di PSZ bagi kemudahan pengguna sepanjang tahun adalah sebanyak 187 buah iaitu komputer untuk INFOLAN2 (31 buah), komputer tugas (28 buah) dan komputer mengakses Internet (128 buah).



Penggunaan komputer di PSZ dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar UTM

## Peralihan Rangkaian PSZ

Sistem rangkaian PSZ telah ditukar dari semua peralatan rangkaian 3COM ke Cisco pada 14 Jun 2008. Pada 30 Julai 2008, proses ‘network virtualization’ telah dilaksanakan dan penggunaan ‘proxy server’ telah ditamatkan sebaliknya digantikan dengan penggunaan ‘switch’ Cisco utama.



## Perisian Penghubung Data Pesanan

PSZ telah membangunkan sistem Perisian Penghubung Data Pesanan (PPDP) yang melibatkan proses pencarian bahan melalui senarai yang dibekalkan oleh vendor mengikut standard yang telah ditetapkan. Perisian ini membolehkan pencarian meliputi tag mandatori Z39.50 menggunakan rekod MARC. Sebanyak 20 senarai vendor telah dimasukkan ke dalam PPDP bagi menilai keberkesaan pencarian dan status senarai tempahan bahan atau ‘new order list status’. Bermula dari bulan Jun hingga Oktober 2008, hasil dari pencarian PPDP ke pangkalan data Z39.50 didapati telah meningkat ke tahap 70 hingga 80% keberkesaan pencarian di pangkalan data yang terpilih.

## Instalasi antivirus baru

Setiap komputer di PSZ dipasang dengan antivirus bagi mengelakkan serangan virus pada komputer dan juga gajet luaran yang digunakan oleh pengguna. Justeru, mulai Disember 2008 gantian antivirus dari Sophos kepada Symantec Endpoint Protection (SEP) telah dibuat oleh Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, UTM. Instalasi antivirus SEP di PSZ juga telah dilaksanakan di ruang terbuka aras 2,3,4,5 iaitu melibatkan ruang internet, INFOLAN2, tugasan, Bahagian Sokongan Penyelidikan, Makmal Pencarian Maklumat 1 dan 2 serta sebahagian komputer staf di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, PSZ bermula dari 10 hingga 23 Disember 2008. Instalasi antivirus kepada staf PSZ akan dibuat secara berperingkat dari masa ke semasa.

Laman Web Perisian Antivirus  
<http://antivirus.utm.my>

SYMANTEC ANTI-VIRUS (INSTALLER TERKINI)

Bagi meningkatkan keselamatan komputer pengguna, kini pihak universiti memperkenalkan perisian antivirus baru kepada semua pengguna komputer di UTM. Pengguna dipersohal untuk menukar kepada perisian antivirus baru ini kerana perkhidmatan perisian antivirus Sophos akan berakhir pada 31 Disember 2008.

Klik pada fail di bawah untuk download:-

Windows OS

- 01. [Panduan Uninstall Sophos and Install SEP](#) [209 KB]
- 02. [Uninstall Script untuk antivirus Sophos](#) [240 KB]
- 03. [Perisian SEP - Kampus 2B](#) [69.5 MB]

atau

- 04. [Perisian SEP - Kampus KJ](#) [69.5 MB]
- 04. [Info Symantec](#) [1.7 MB]



**Cabaran  
2009**

# CABARAN 2009

## Perancangan Strategik



Staf PSZ bersama Prof. Dr. Awaluddin Mohamed Shahroun semasa Bengkel Perancangan Strategik Siri 1

PSZ telah menganjurkan Bengkel Perancangan Strategik tahun 2008-2010 yang telah diadakan pada 18 hingga 19 Mac 2008 bertempat di Bilik Seminar 3, PSZ. Bengkel telah diselia oleh Prof. Dr. Awaluddin Mohamed Shahroun dari Business Advance Technology Centre, Kuala Lumpur. Seterusnya diikuti dengan Bengkel Perancangan Strategik kali ke-2 yang telah diadakan pada 4 hingga 5 Disember 2008. PSZ telah mengambil langkah merangka strategi bagi menepati sasaran transformasi yang telah ditetapkan oleh UTM. Bengkel Strategic Use of Citation Data ini telah dikendalikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Szarina Abdullah dari Universiti Teknologi MARA.



Pustakawan PSZ yang terlibat dalam Bengkel Perancangan Strategik Siri 2 bersama Yang Berbahagia Prof. Dr. Szarina Abdullah



Pustakawan sedang tekun menghadiri Bengkel Perancangan Strategik



## Penambahbaikan Berterusan

Perpustakaan berazam untuk mencapai tahap keberkesanan pengendalian dan terus menjadi organisasi yang mementingkan keperluan pelanggan di samping memajukan perkhidmatannya untuk terus berdaya saing. Komitmen-komitmen ini akan terus diamalkan buat 2 hingga 3 tahun yang akan datang. Sehubungan dengan itu, PSZ perlu menyediakan perkhidmatan yang lebih kompetitif dengan menyediakan prasarana yang dapat memudahkan maklumat diakses. Untuk menguasai permintaan maklumat yang semakin meningkat dari masa ke semasa, PSZ akan cuba menyediakan saluran-saluran yang mencukupi untuk memudahkan para pelanggan menggunakan segala kemudahan dengan efektif. Lebih banyak keahlian luar dari sektor swasta akan disasarkan dan usaha menambah bilangan pelanggan ke perpustakaan juga akan digiatkan. Langkah tertentu akan dipertingkatkan dengan berkesan untuk menyediakan prasarana perkhidmatan atas talian yang lebih 'mesra pelanggan'.

Prosedur kerja akan dikaji semula untuk mencapai tahap keberkesanan dan penambahbaikan berterusan. Indikator Prestasi Utama (KPI) akan dilaksanakan bagi pengurusan di samping penilaian prestasi kerja (SKT) untuk staf pengurusan dan sokongan secara lebih efisien. Diharapkan semua usaha ini dapat membantu mencapai visi dan misi PSZ khususnya serta UTM amnya.

## Kepuasan Pelanggan

PSZ mengadakan Kajian Kepuasan Pelanggan pada setiap tahun. Sasaran 80% kepuasan pelanggan telah ditetapkan oleh UTM dan ini menjadi satu cabaran kepada PSZ. Aspek yang dikenalpasti kurang memuaskan akan diambil tindakan bagi menambahbaik prestasi PSZ dan mencapai sasaran yang ditetapkan.



## Pemantapan UTM-IR

Sebagai peneraju kepada projek UTM-IR, PSZ perlu berusaha dalam memastikan koleksi digital di UTM-IR terus meningkat dan memastikan ia menepati objektif UTM-IR dibangunkan.



## Pembangunan Koleksi PSZ

Adalah menjadi satu cabaran bagi PSZ untuk memastikan koleksinya dibangunkan dengan menepati keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di UTM. Usaha ini akan dilestarikan oleh PSZ melalui cadangan pembelian melalui kerjasama erat dari semua fakulti di UTM. Ini bagi memastikan koleksi PSZ benar-benar menepati keperluan seperti yang diharapkan.

## Kepelbagai Keperluan Pengguna

Kepelbagai keperluan pengguna kini terutamanya pelajar dan staf antarabangsa merupakan satu cabaran untuk ditangani oleh PSZ. Pendekatan baru perlu dicari bagi menangani kepelbagai permintaan tinggi yang diterima terutamanya dari pelajar antarabangsa. Ini bagi memastikan imej PSZ sentiasa baik di kalangan pengguna antarabangsa dan setanding dengan perpustakaan ternama lain di dunia.





## Ruang Santai di Perpustakaan

PSZ berusaha mengubah konsep dari sebuah perpustakaan akademik yang ilmiah semata-mata kepada sebuah perpustakaan yang turut mengimbangi keperluan ilmiah dan santai. Usaha ini dibuat melalui perubahan imej fizikal dalamannya terutamanya di aras 3 apabila fokus kepada keperluan pelanggan terhadap aktiviti santai khususnya telah dilaksanakan. Beberapa sudut interaktif dan ruang istirehat dengan permainan ‘board games’, ruang tayangan terbuka serta ‘Refreshment Corner’ telah disediakan. Aras 3 juga tidak lagi menjadi ‘ruang senyap’ sebaliknya pelanggan dibenarkan bercakap secara normal. Usaha ini cuba menjadikan PSZ sebagai tempat pertemuan bagi memperolehi ilmu di samping sebagai alternatif bagi lokasi mengisi masa lapang. Ini bertepatan dengan penyediaan Bilik Rujukan Eksekutif yang fokus kepada keperluan staf akademik dan pengurusan tinggi UTM yang memerlukan ruang yang selesa.

## Bengkel Penambahbaikan Proses Kerja

Penambahbaikan dalam proses kerja akan sentiasa diberi perhatian. Beberapa Bengkel Penambahbaikan Proses Kerja utama yang melibatkan pelanggan akan terus dilaksanakan. Proses kerja setiap bahagian di PSZ akan dikaji semula dan input serta idea baru yang diterima akan diketengahkan sebagai menambahbaik sistem dan proses kerja sedia ada.

## Menyemarakkan Program Ilmu di UTM

Dalam usaha memastikan budaya ilmu di persekitaran UTM terus berkembang, majlis-majlis keilmuan akan terus diadakan demi memastikan kesinambungannya pada masa akan datang.

## Bangunan Tambahan Perpustakaan

Sejak jauh matlamat menjadi sebuah institusi penyelidikan dan bertaraf dunia, UTM bergiat aktif dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D). Menerusi Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9), pembangunan Perpustakaan Penyelidikan UTM yang baru bakal menjadi realiti. Bercirikan teknologi terkini serta prasarana yang menarik ini diharap dapat membantu UTM dan memberi sumbangan kepada negara dalam aspek penyebaran maklumat demi menyokong aktiviti pembelajaran dan penyelidikan.





## Perisian dan Perkakasan Penyuntingan Video

Keperluan perisian dan perkakasan penyuntingan video amat diperlukan selaras dengan kemajuan teknologi maklumat masa kini. Justeru, adalah menjadi cabaran kepada staf PSZ untuk mempraktikkan penggunaan perisian dan perkakasan bagi penyuntingan video untuk menghasilkan video, montaj dan sebagainya untuk aktiviti PSZ. Penyediaan atau suntingan video untuk kelas kemahiran perpustakaan, bengkel anjuran PSZ atau untuk paparan video ke portal PSZ diharap dapat dihasilkan dengan lebih baik dan berkualiti dengan adanya perisian dan perkakasan berkenaan. Diharap penggunaan perisian dan perkakasan video ini membolehkan kerja-kerja mengedit dilakukan mengikut masa sebenar (realtime video editing) dari pelbagai format seperti HD, HDV, DV, MPEG2 dan uncompressed video kepada High Density Video (HDV) output yang lebih berkualiti. Ciri-ciri lain yang perlu adalah seperti penghasilan video contohnya video stabilisation, video transition effects dan filters, penghasilan video animasi, 2D atau 3D video dsb.

## Pengimbas Berkapasiti

Perpustakaan akan menggunakan pengimbas berkapasiti tinggi untuk meningkatkan produktiviti dan memperkasakan koleksi digital PSZ yang akan memberi kesan dalam meningkatkan kedudukan UTM-IR dalam ranking web of world repositories (<http://repositories.webometrics.info>) dan juga meningkatkan kedudukan UTM dalam ranking web of world universities (<http://www.webometrics.info>).



## Kajian Sistem Perpustakaan Digital PSZ

Kajian berterusan penambahbaikan terhadap sistem perpustakaan digital PSZ untuk memenuhi keperluan PSZ di masa akan datang perlu dibuat. PSZ perlu merancang keperluan sistem Perpustakaan yang sesuai mengikut perkembangan teknologi semasa.

## Pembangunan Perpustakaan Fakulti

Mulai 2008, Pusat Sumber di semua jabatan/fakulti/pusat di UTM akan dikenali sebagai Perpustakaan Fakulti yang memainkan peranan penting dalam menyokong dan menyediakan prasarana yang mencukupi bagi para pelajar UTM.

Perpustakaan Sultanah Zanariah menyokong usaha penubuhan Perpustakaan Fakulti ini sebagai langkah awal pengumpulan sumber maklumat yang diperlukan di peringkat fakulti/ pusat/ jabatan. Perpustakaan Fakulti kini diharap dapat memenuhi keperluan pengguna fakulti bagi keperluan ruang pembelajaran yang ditadbir urus mengikut garispanduan sebuah perpustakaan, membantu menguruskan PF mengikut garispanduan yang ditetapkan serta selaras dengan Perpustakaan Induk dan memberi kemudahan merujuk kepada sumber maklumat asas yang bersesuaian dengan keperluan fakulti/pusat serta membantu pengguna bagi menggalakkan perkongsian maklumat di peringkat fakulti/jabatan dengan PSZ.

## Pembangunan Pusat Sumber CEPP

CEPP sedang membina sebuah pejabat barunya berdekatan dengan bangunan yang sedia ada sekarang yang dijangka siap pada akhir tahun 2009. PSZ juga akan melihat kepada keperluan Pusat Sumber untuk memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan berada pada tahap yang baik. Ini termasuklah pemasangan strip keselamatan pada setiap bahan dan pembelian pintu keselamatan elektronik kepada pihak pengurusan.

## Perkembangan Pusat Sumber Business Advance Technology Centre

Perkembangan UTM *International Campus* Kuala Lumpur yang pesat dan perubahan yang berlaku merupakan cabaran kepada Pusat Sumber di BATC untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan yang diberikan. Pada tahun 2008, Pusat Sumber BATC telah dipindahkan ke Bangunan Yayasan Selangor buat sementara waktu demi pembangunan bangunan baru BATC yang dijangkakan siap antara 3 hingga 4 tahun. Justeru, perkhidmatan ‘shuttle’ antara PSZ International Campus ke Bangunan Yayasan Selangor telah diadakan. PSZ berharap dengan pembinaan bangunan baru ini akan dapat memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UTM *International Campus* Kuala Lumpur.

# PERPUSTAKAAN CAWANGAN

PG 9, Intel Technology Sdn. Bhd.  
Bayan lepas Free Industrial Zone  
Phase 3, Halaman Kampung Jawa  
11900 Pulau Pinang

Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kulim Hi-Tech Park 09000 Kulim Kedah

Kolej Teknologi Cosmopoint 5-8 Vista Square Jalan Sri Cemerlang 15350 Kota Bharu Kelantan

Penang Skills Development Centre (PSDC) No.1 Jalan Sultan Azlan Shah Bandar Bayan Lepas 11909 Pulau Pinang

Kulim Technology Management Sdn. Bhd. Information Technology Centre Kulim Hi-tech Park 09000 Kulim Kedah

MCM iTech Development Sdn. Bhd. 25.04 Tingkat 4 KT Business Centre Jalan Sultan Muhammad 21100 Kuala Terengganu Terengganu

PULAU PINANG PERAK

KELANTAN

TRENGGANU

PAHANG

Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan Politeknik Ungku Omar Jalan Raja Musa Mahadi 31400 Ipoh Perak

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)  
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar,  
Behrang, 05950 Tanjung Malim  
Perak

Bangunan Pusat Kegiatan Guru Negeri Selangor Batu 1 1/2 Jalan Kota Raja 43000 Klang Selangor

Kolej Shahputra BIM Point Bandar Indera Mahkota 25200 Kuantan Pahang

Kolej IKIP Kampus Taman Gelora 25050 Kuantan Pahang

Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur Campus Branch Universiti Teknologi Malaysia International Campus Jalan Semarak 54100 Kuala Lumpur

Perpustakaan Al-Azim(Fasa ii), Komplek Al-Azim Masjid Al-Azim, Bukit Palah

Perpustakaan Fakulti Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai Johor

NEGERI SEMBILAN


MELAKA

JOHOR

Perpustakaan Induk

Perpustakaan Sultanah Zanariah Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai Johor

Academy of Skill Training & ICT Development No.26 B, Tingkat 2, Jalan Pesta 1/1 Taman Tun Dr. Ismail Jalan Baluri, 84000 Muar Johor



Perpustakaan Induk



Cawangan PSZ



Perpustakaan Cawangan (SPACE)



Perpustakaan Cawangan (SPS)



CERTIFIED TO ISO 9001:2000  
CERT. NO. : AR 1405

**PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

81310 UTM, SKUDAI,  
JOHOR DARUL TAKZIM, MALAYSIA.  
Tel: 07-5533 33 Faks: 07-5572 555  
Web: <http://portal.psz.utm.my/psz/>